

## Bab Lima

### UMNO Baru, Perpuakan Baru (1990- 1995)

Perebutan kuasa dan perpuakan dalam UMNO selepas pilihan raya umum Oktober 1990 boleh dianalisa daripada 2 aspek, iaitu pertandingan kuasa di antara bekas Team B/ Semangat 46 dengan bekas Team A/UMNO Baru pada peringkat kebangsaan, dan juga perpuakan baru yang muncul dalam UMNO Baru. Dalam tempoh 1990-1995, kita menyaksikan kenaikan Anwar Ibrahim di dalam UMNO. Kenaikan popularitinya di dalam dan di luar parti akhirnya menyumbangkan kepada keretakan perhubungan di antara Mahathir dengan beliau. Selain itu, kita pula menyaksikan penurunan pengaruh Semangat 46 dan keretakan dalam pakatan Gagasan Rakyat dan APU, yang akhirnya mendorong pemimpin Semangat 46 untuk menamatkan hayat parti mereka dan pulang ke pangkuhan UMNO.

#### 5.1 Pemilihan UMNO 1990: Perlawanan Bagi Jawatan Naib Presiden

UMNO mengadakan pemilihan parti yang pertama sebulan selepas mendapat mandat daripada rakyat. Mahathir dan Ghafar Baba masing-masing mendapat 130 pencalonan dalam pemilihan parti tanpa cabaran. Jawatan mereka tidak dicabar. Perhatian orang ramai ditumpukan pada pertandingan terhadap tiga jawatan Naib Presiden, yang dianggap sebagai bakal pengganti Mahathir dan Ghafar. Persaingan terhadap jawatan tersebut memperlihatkan kemunculan arus perpuakan dan pertandingan kuasa yang baru. Mahathir memberi amaran kepada calon-calon bagi kerusi Majlis Tertinggi untuk menghentikan kempen kotor yang membabitkan penggunaan wang dan jentera kerajaan serta mengadakan pakatan, demi mengelakkan berulangnya tragedi

pemilihan UMNO 1987. Beliau juga mengingatkan para calon supaya jangan menggunakan pegawai kerajaan seperti daripada Kemas dan Jabatan Penerangan berkempen untuk mereka.<sup>230</sup>

Tiga hari selepas amaran Mahathir, Majlis Tertinggi melarang pegawai kerajaan Kumpulan A untuk menjadi perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung daripada 29 November hingga 2 Disember 1990. Arahan tersebut menyebabkan sesetengah bahagian terpaksa menukar perwakilan mereka yang terdiri daripada pegawai Kumpulan A.<sup>231</sup>

Pada mulanya, terdapat 12 calon yang ingin menyertai pertandingan terhadap jawatan Naib Presiden, tetapi sesetengah daripada mereka menarik diri sebelum hari pengundian, termasuk Ketua Pemuda, Najib Tun Razak dan Menteri Luar Negeri, Abu Hassan Omar. Akhirnya hanya 6 calon yang mengesahkan pencalonan mereka untuk jawatan Naib Presiden, iaitu selain daripada tiga penyandang jawatan, Menteri Pendidikan, Anwar Ibrahim; Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad dan Ahli Parlimen Kepala Batas, Abdullah Ahmad Badawi. Tiga orang pencabar pula adalah Menteri Pertanian, Sanusi Junid, Menteri Besar Johor, Muhyiddin Yassin dan Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik.

Pada asasnya, terdapat dua senarai calon jawatan Naib Presiden. Senarai pertama ditaris Anwar Ibrahim dan Muhyiddin Yassin. Anwar mempunyai pencalonan yang paling banyak, iaitu sebanyak 110. Senarai kedua adalah Sanusi Junid dan Abdullah

<sup>230</sup> Berita Harian, 12 November 1990, m/s 1.

<sup>231</sup> Berita Harian, 15 November 1990, m/s 1.

Badawi. Penyandang jawatan yang ketiga, iaitu Wan Mokhtar Ahmad merupakan pemimpin yang diterima oleh kedua-dua puak.<sup>232</sup>

Apabila keputusan diumumkan, Anwar Ibrahim mendapat undi yang paling banyak, iaitu 1,067 undi, diikuti dengan Abdullah Badawi yang mendapat 953 undi, dan Sanusi Junid yang mendapat 750 undi. Undi yang diperolehi oleh calon Naib Presiden yang lain ialah: Wan Mokhtar Ahmad, 735 undi; Muhyiddin Mohd Yasin, 582 undi dan Abdul Rahim Tamby Chik, 452 undi.

Kemenangan Abdullah Badawi sememangnya agak memerlukan perjuangan. Penganalisa politik menganggap beliau dipilih oleh undi simpati daripada perwakilan dan juga rekod perkhidmatannya kepada parti yang baik dalam 3 tahun yang lepas. Menurut Nazri Abdullah, pengarang kumpulan *Berita Harian*, keputusan pemilihan Naib Presiden UMNO menunjukkan perwakilan UMNO sudah matang dan tidak lagi dipengaruhi oleh sentimen kenegerian atau kedaerahannya seperti dalam pemilihan yang lepas.<sup>233</sup>

Mahathir tidak merombak kabinet selepas pemilihan parti. Beliau berkata isu perwarisan belum diselesaikan kerana terdapat pemilihan parti UMNO pada tahun 1993. Pada masa itu, para penganalisa politik telahpun menjangka bahawa akan terdapat persaingan yang sengit terhadap jawatan tertinggi dalam 3 tahun yang akan

<sup>232</sup> *Asiaweek*, 14 Disember 1990, m/s 46

<sup>233</sup> Ahli yang terpilih dalam Majlis Tertinggi mengikut susunan undi adalah: Mohd Yusof Nor (1,279), Muhammad Haji Muhd Taib (1,259), Ramli Ngah Talib (1,251), Khalil Yaakob (1,232), Syed Hamid Jaafar Albar (1,224), Tajol Rosli Mohd Gazali (1,175), Osman Aroff (1,169), Abdul Kadir Sheikh Fadzir (1,157), Dr. Siti Zaharah (1,113), Annuar Musa (1,107), Abu Hassan Omar (1,095), Sabaruddin Chik (1,083), Mohd Isa Abdul Samad (1,077), Abdul Hamid Pawanteh (1,041), Abdul Ghani Othman (997), Megat Junid Megat Ayub (994), Mohd Khalid Yunus (986), Drs Sulaiman Mohamed (978), Raja Ariffin Raja Sulaiman (900), Abdullah Fadzil Che Wan (806), Napsiah Omar (796), Zaleha Ismail

datang kerana puak Anwar dan puak anti-Anwar masing-masing mempunyai penyokong yang sama dalam Majlis Tertinggi.<sup>234</sup> Orang Anwar yang terpilih dalam Majlis Tertinggi termasuk: Muhammad Haji Muhd Taib, Ramli Ngah Talib, Khalil Yaakob, Osman Aroff, Raja Ariffin Raja Sulaiman, Napsiah Omar, Nazri Aziz dan Ibrahim Saad. Walaupun Anwar mempunyai undi yang paling tinggi, tetapi beliau selama ini dianggap sebagai ‘anak didik’ yang dipromosi oleh Mahathir tentu akan menghadapi cabaran yang kuat daripada dua Naib Presiden yang lain, iaitu Abdullah Badawi dan Sanusi Junid yang masing-masing mempunyai sokongan akar-umbi dalam parti.

### **Imej Baru UMNO Sejak Tahun 1991**

Cabaran yang kuat yang dihadapi oleh UMNO pada pilihan raya umum 1990 menyebabkan parti itu menunjukkan tanda-tanda perubahan dari segi dasar parti dan dasar BN.

#### **i) Rombakan Kabinet: Anwar Menjadi Menteri Kewangan**

Daim meletakkan jawatan pada 15 Mac 1991 selepas berkhidmat hampir 7 tahun sebagai Menteri Kewangan. Jawatannya diambil alih oleh Anwar manakala jawatan Menteri Pendidikan dipegang oleh Sulaiman Daud yang pernah memegang jawatan tersebut daripada tahun 1981 ke 1984. Abu Hassan Omar pula meninggalkan Kementerian Luar Negeri dan mengambil alih jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Abdullah Badawi memegang jawatan Menteri Luar

---

(792), Nazri Aziz (777), Abdul Rahim Abu Bakar (737), Dr. Ibrahim Saad (724). Rujuk: *Berita Minggu*, 2 Disember 1990, m/s 12.

Negeri semula selepas diketepikan selama 6 tahun, iaitu suatu jawatan yang tidak mempunyai pengaruh ke atas politik dalam negeri, khususnya dalam UMNO.

Memandangkan Anwar mendapat undi yang paling banyak dalam pemilihan Naib Presiden UMNO pada November 1990, perlantikan Anwar ke jawatan Menteri Kewangan menjadikan beliau sebagai tokoh yang naik pangkat paling cepat kerana jawatan tersebut merupakan suatu portfolio yang paling penting dalam kerajaan. Usaha pertama Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan adalah pembentangan Dasar Pembangunan Baru (New Development Policy) dalam pertengahan tahun 1991 untuk menggantikan DEB yang telah tamat tempoh pada 1990.<sup>234</sup>

## ii) UMNO Buka Pintu Kepada Pribumi Sabah

Pada tahun 1991, UMNO memperkembangkan pengaruhnya di Sabah buat pertama kalinya. Perlembagaan UMNO dipinda untuk menukar definisi ‘anak Melayu’ dalam perlembagaannya kepada ‘rumpun Melayu’, iaitu ia tidak lagi dihadkan kepada kaum Melayu sahaja tetapi ia juga merangkumi kaum pribumi minoriti yang ramainya

---

<sup>234</sup> *Asiaweek*, 14 Disember 1990, m/s 46.

<sup>235</sup> Menurut statistik kerajaan, DEB hanya mencapai kejayaan yang separuh dalam tempoh duapuluh tahun perlaksanaannya, peratus rakyat Malaysia yang hidup di bawah garis kemiskinan adalah 17.1% berbanding dengan 49% pada duapuluh tahun yang lepas. Kawalan Bumiputra dalam ekonomi telah naik daripada 4.3% pada tahun 1971 kepada 19.6% pada tahun 1991. Walau bagaimanapun, kebenaran statistik kerajaan tersebut adalah sangat diragui oleh masyarakat bukan Melayu, termasuk pemimpin MCA.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang menyifatkan Dasar Pembangunan Negara (DPN) mempunyai sifat yang sama memecahbelahkan dan membinaaskan seperti DEB dari segi integrasi nasional dan perpaduan negara. Beliau juga mengkritik sistem kuota yang masih terkandung dalam dasar tersebut. Pakar ekonomi Dr. Jomo Sundram berkata bahawa dasar ini tidak mempunyai had tahun untuk memindahkan 30% kepunyaan syarikat kepada kaum Bumiputra.<sup>235</sup> Boleh dikatakan bahawa DPN merupakan kesinambungan DEB dengan nama yang berlainan. Walau bagaimanapun, kritikan terhadap DPN tidak mendorong impak yang besar dalam masyarakat secara umum, mungkin kerana pertumbuhan ekonomi pesat yang dinikmati oleh semua kaum dan juga dominasi UMNO dari segi kawalan media.

bukan beragama Islam di Malaysia Timur. Dasar buka pintu tersebut adalah bertujuan untuk melemahkan pengaruh PBS yang terdiri daripada kaum Kadazan di Sabah.

### iii) Pengumuman Wawasan 2020

UMNO menunjukkan imej barunya pada Perhimpunan Agung UMNO 7-10 November 1991 di mana para pemimpin dan perwakilan tidak lagi membidas kaum bukan Melayu seperti dalam tahun-tahun yang lepas. Mahathir menggunakan forum itu untuk menyampaikan ucapan yang panjang lebar mengenai *Wawasan 2020* mempunyai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian yang maju.<sup>236</sup>

## 5.2 Perpuakan Baru Dalam UMNO

Perpuakan yang baru muncul dalam UMNO selepas pemilihan parti 1990. Isu utama yang mencetuskan perpuakan baru ini adalah pertandingan kuasa terhadap jawatan Timbalan Presiden UMNO. Mengikut tradisi dan Perlembagaan UMNO, Timbalan Presiden merupakan orang yang mewarisi jawatan Presiden parti dan Perdana Menteri. Ghafar Baba dianggap kurang sesuai untuk mewarisi jawatan tersebut atas faktor umur, kesihatan dan kelayakan akademik yang hanya tamat pendidikan sekolah rendah. Bagi Anwar pula, kenaikan beliau yang pantas dalam parti dan kerajaan juga kebolehan beliau untuk mengorganisasi sokongan akar-umbi di dalam dan di luar parti

---

<sup>236</sup> Ketua Pembangkang Parlimen, Lim Kit Siang turut mengkritik *Wawasan 2020* sebagai satu cek kosong kerana ia memberi gambaran yang cantik untuk masa depan negara tetapi tidak mentafsirkan isi-kandungan idea tersebut. Walau bagaimanapun, *Wawasan 2020* yang diheboh-hebohkan oleh media disambut baik oleh masyarakat Melayu dan bukan Melayu, kerana ia memenuhi idaman dan hasrat rakyat Malaysia yang mahu melihat Malaysia menjadi negara maju dan rakyat akan menjadi bangsa yang bertaraf dunia.

menyebabkan beliau dianggap sebagai satu ancaman oleh Ghafar dan dua Naib Presiden yang lain, Abdullah Badawi dan Sanusi Junid. Anwar yang bercita-cita tinggi untuk menjadi pewaris Mahathir memang khuatir beliau akan dipinggirkan sekiranya Ghafar menjadi Perdana Menteri suatu hari nanti. Dengan itu, beliau dan penyokongnya pun mula mengaturkan rancangan untuk menumbangkan Ghafar dalam Pemilihan UMNO 1993.

### **Penyelewengan Tamrin Ghafar Di MARA**

Sebelum Perhimpunan Agung pada 6 November 1992, telah muncul suatu episod ‘tinju bayangan’, iaitu agensi berita *Bernama* melaporkan bahawa anak Ghafar yang menjawat Pengerusi MARA (Majlis Amanah Rakyat), Tamrin Ghafar menggunakan RM11.3 juta dalam tabung MARA untuk membeli 450 keahlian dalam Rahman Putra Golf Club yang dipunyai oleh Ghafar Baba.<sup>237</sup> Laporan tersebut telah menyebabkan Mahathir dan beberapa pemimpin UMNO mendesak penjelasan daripada MARA.

Pada 4 November 1992, Tamrin berkata MARA Holdings mencapai keuntungan sebanyak RM360,000 daripada penjualan semula keahlian yang sebanyak 120 itu. Beliau berkata Rahman Putra berjanji untuk membeli balik keahlian yang tidak dijual sebelum April 1993 dengan harga RM28,000 setiap satu, iaitu 12% lebih tinggi daripada harga yang dibayar oleh MARA. Beliau menyifatkan keuntungan ini adalah lebih baik daripada simpanan tetap dalam bank.<sup>238</sup>

<sup>237</sup> *Bernama*, 26 Oktober 1992. Tujuan asal penubuhan MARA adalah untuk membantu bumiputera untuk memulakan perniagaan kecil, ia telah melaburkan dalam sektor amanah saham, kewangan dan pembankuan sejak ditubuhkan pada tahun 1966.

<sup>238</sup> *Asiaweek*, 13 November 1992, m/s 40.

Isu tersebut kelihatan sengaja dibongkarkan sebelum perhimpunan tahunan UMNO November 1992 oleh puak Anwar untuk mencemarkan nama baik Ghafar Baba.<sup>239</sup>

### Perebutan Kuasa Secara Senyap Terhadap Jawatan Tinggi

Pertandingan kuasa yang senyap untuk jawatan Naib Presiden dan Timbalan Presiden bermula sejak tahun 1991 lagi. Tindak-tanduk Anwar selalu dijadikan tumpuan pemerhati politik, tetapi beliau tidak menyatakan pendirian samada akan mencabar jawatan Timbalan Presiden ataupun hanya mempertahankan kedudukannya sebagai Naib Presiden pada pemilihan parti 1993. Penganalisaan umum pada masa itu adalah sekiranya Anwar ingin mempertahankan jawatan Naib Presiden, beliau harus mengukuhkan kedudukannya melalui menggantikan dua Naib Presiden yang lain dengan orang yang lebih lemah pengaruhnya, untuk membantu beliau mencabar jawatan Timbalan Presiden ataupun Presiden pada masa kelak. Ini bermaksud kebangkitan Anwar telahpun mengugut kedudukan Abdullah Badawi dan Sanusi Junid.<sup>240</sup> Khabar angin mengenai pergelutan kuasa mereka muncul selepas pemilihan UMNO 1990.

Pada Perhimpunan Agung UMNO November 1992, Mahathir mengkritik kempen yang tidak sihat oleh setengah pemimpin. Beliau membidas surat-layang dan buku yang memfitnah pemimpin dalam parti. Pada masa itu, puak anti-Anwar mengedarkan

<sup>239</sup> Tamrin Ghafar dilantik sebagai pengurus MARA selepas ayahnya menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986. Selepas itu, MARA menjadi sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang diketuai oleh Ghafar Baba. Tamrin pernah disiasat atas penyelewengan kuasa tetapi jawatan beliau tetap kekal. Walau bagaimanapun, semasa beliau menjadi Ketua Kelab Penyokong Kerajaan (Back Benchers Club, BBC) di Parlimen, beliau pernah dituduh bankrupsyi oleh Bank Standard & Chartered kerana berhutang. Tindakan ini dibuat melalui prosiding undang-undang dan iklan bankrupsyi di akhbar, tetapi prosiding tersebut ditarik balik selepas Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri.

<sup>240</sup> Far Eastern Economic Review, 15 April 1993, m/s 23-24.

surat layang yang mendakwa Anwar memperuntukkan saham Bumiputera dalam syarikat kepunyaan kerajaan kepada penyokongnya, tetapi ini disangkal kuat oleh beliau.<sup>241</sup>

Pada masa itu, para pemerhati politik merasakan Menteri Besar Johor Muhyiddin Yassin; Menteri Besar Selangor Mohamed Taib; Ketua Menteri Melaka Abdul Rahim Tamby Chik; Menteri Pembangunan Usahawan Mohamed Yusof Noor<sup>242</sup> dan Menteri Pertahanan selaku Ketua Pemuda UMNO, Najib Tun Razak adalah pemimpin UMNO yang berhajat untuk bertanding jawatan jawatan Naib Presiden. Para pencabar (kecuali Yusof Noor) ini disifatkan sebagai penyokong Anwar, manakala Abdullah Badawi dan Sanusi Junid selalu ditarikhkan bersama dengan Ghafar Baba.<sup>243</sup>

Biasanya pemilihan pada peringkat cawangan dan bahagian dalam parti UMNO diadakan pada tahun yang berlainan, tetapi demi mengurangkan ‘politicking’ dan tempoh berkempen, pemilihan cawangan dan bahagian diadakan pada tahun yang sama dengan pemilihan Majlis Tertinggi 1993.

### 5.3 Perebutan Kuasa di Antara Puak Ghafar dan Puak Anwar

Selepas Perhimpunan Agung UMNO 1992, Ghafar berkata bahawa beliau akan mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden dalam pemilihan parti 1993. Anwar kelihatan menggunakan pengaruhnya dalam pelbagai lapisan politik untuk

<sup>241</sup> *Asiaweek*, 6 November 1992, m/s 41.

<sup>242</sup> Menteri Pembangunan Usahawan Mohamed Yusof Noor mendapat jumlah undi yang paling tinggi untuk jawatan Majlis Tertinggi pada tahun 1987 dan 1990. Beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Hal Ehwal Islam pada tahun 1984. Beliau pernah terlibat secara tidak langsung dalam isu Tamrin Ghafar menggunakan RM11.3 juta untuk

mewujudkan keadaan di mana beliau terpaksa melawan Ghafar. Adalah menarik untuk melihat perubahan pendirian Anwar secara publik dalam perkara ini. Pada 24 April 1993, Anwar berkata beliau tidak akan bertanding menentang Ghafar bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO.<sup>244</sup> Tiga minggu selepas itu, pada 21 Mei 1993, beliau berkata beliau akan ‘tunduk kepada keputusan dan kebijaksanaan parti’ walaupun sudah menyatakan pendiriannya tidak berhasrat untuk mencabar Ghafar sebelum itu.<sup>245</sup> Selepas itu, para penyokongnya berkata melalui media mereka berharap Anwar akan bertanding.

Pada 11 Jun 1993, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi, Mahathir mengumumkan bahawa Anwar tidak akan bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden parti. Pada hari yang sama, Anwar berkata keputusannya tidak mencabar Ghafar adalah muktamad.<sup>246</sup> Pengumuman ini kemudian disokong oleh beberapa orang pemimpin UMNO, termasuk Ketua Wanita UMNO Rafidah Aziz, Menteri Besar Johor Muhyiddin Yassin dan Menteri Undang-Undang Syed Hamid Albar.<sup>247</sup>

Cadangan Mahathir itu menimbulkan reaksi di kalangan penyokong Anwar. Tiga hari selepas itu, Ketua Penerangan Pemuda UMNO, Senator Ahmad Zahid Hamidi ‘menjelaskan kenyataan Mahathir dengan lebih lanjut’. Beliau berkata kenyataan Mahathir bukan bererti menyekat mana-mana bahagian UMNO untuk mencalonkan Anwar untuk bertanding. Zahid berkata Anwar harus memegang jawatan Timbalan Presiden sekiranya beliau menerima pencalonan terbanyak daripada bahagian-

---

membeli keahlian kelab golf yang dipunyai oleh Ghafar Baba, kerana MARA adalah dalam penyeliaan kementerian beliau. Rujuk: *Asiaweek*: 3 Mac 1993, m/s 24.

<sup>243</sup> *Asiaweek*, 3 Mac 1993, m/s 24; *Far Eastern Economic Review*, 15 April 1993, m/s 23-24.

<sup>244</sup> *Utusan Malaysia*, 26 April 1993, m/s 1.

<sup>245</sup> *Utusan Malaysia*, 23 Mei 1993, m/s 1.

<sup>246</sup> *Utusan Malaysia*, 12 Jun 1993, m/s 1.

bahagian di seluruh negara menjelang pemilihan pucuk pimpinan. Zahid mencadangkan supaya tokoh yang mendapat bilangan pencalonan paling sedikit daripada UMNO bahagian menarik diri daripada pertandingan. Dengan demikian jawatan itu tidak perlu dipertandingkan dan ini memenuhi pandangan Presiden UMNO dan pemimpin lain. Zahid menegaskan bahawa Pemuda UMNO menyokong pengamalan sistem demokrasi dalam parti.<sup>248</sup>

Kenyataan Zahid kemudian diikuti oleh penyokong Anwar yang lain. Menteri Pertahanan, Najib Tun Razak berkata semua jawatan di dalam parti boleh dipertandingkan, termasuk jawatan Timbalan Presiden UMNO asalkan adanya pencalonan di peringkat bahagian. Beliau juga menyeru semua pemimpin yang berhasrat untuk bertanding mana-mana jawatan tertinggi UMNO menilai keupayaan dan potensi diri sendiri.<sup>249</sup> Setiausaha Agung UMNO yang juga Menteri Penerangan Mohamed Rahmat berkata tindakan bahagian mencalonkan pemimpin tertentu hanya menunjukkan bahawa wujudnya demokrasi dalam UMNO, sistem tersebut akan mengukuhkan parti.<sup>250</sup>

Sokongan Anwar kelihatan kian meningkat apabila hampir dengan tarikh penutupan pencalonan untuk pemilihan UMNO. Dua bulan selepas Mahathir mengumumkan bahawa tiada pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO, Pengurus Kelab Penyokong Kerajaan di Dewan Rakyat (Back Benchers' Club, BBC) Shahidan Kassim memberi sokongan terbuka kepada Anwar Ibrahim untuk merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO. Beliau juga berkata BBC akan menyokong Menteri Besar

---

<sup>247</sup> *Berita Harian*, 13 Jun 1993, m/s 2.

<sup>248</sup> *Berita Harian*, 14 Jun 1993, m/s 2.

<sup>249</sup> *Utusan Malaysia*, 27 Julai 1993, m/s 5.

<sup>250</sup> *Berita Harian*, 26 Julai 1993, m/s 1.

Selangor Muhammad Muhd Taib; Menteri Besar Johor Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertahanan Najib Tun Razak untuk bertanding kerusi Naib Presiden. Ketua Menteri Melaka Rahim Tamby Chik pula dicadangkan menerajui Ketua Pemuda manakala Senator Nazri sebagai Naib Ketua; dan Rafidah Aziz sebagai Ketua Wanita. Shahidan Kassim berkata sokongan BBC tersebut dibuat berdasarkan kehendak majoriti ahli UMNO yang ingin melihat perubahan dalam pucuk pimpinan parti. Beliau juga berkata sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, ahli UMNO boleh menyuarakan pendapat dan memilih calon yang difikirkan dapat menunjukkan kepemimpinan lebih berkesan.<sup>251</sup>

Pada 11 Ogos, Ghafar menegaskan sekali lagi bahawa beliau tetap mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden UMNO sekalipun hanya mendapat dua pencalonan.<sup>252</sup> Pengumuman beliau itu telah disambut baik oleh Abdullah Badawi pada keesokan harinya.<sup>253</sup>

Pada masa yang sama, bekas Timbalan Presiden UMNO, Musa Hitam berkata bahawa beliau tidak ingin bertanding terhadap apa-apa jawatan dalam Majlis Tertinggi, dan beliau menyokong seruan atas tiada pertandingan terhadap dua jawatan tertinggi UMNO.<sup>254</sup> Selepas itu, penyokong Musa yang kuat, Shahrir Samad pula berkata bahawa Musa akan bertanding jawatan Naib Presiden sekiranya Anwar bertanding jawatan Nombor 2. Terdapat spekulasi yang menyatakan bahawa Musa akan bersekutu dengan puak Ghafar dan bertanding bersama dengan Abdullah Badawi dan Sanusi Junid bagi jawatan Naib Presiden untuk menentang puak Anwar.

<sup>251</sup> *Berita Harian*, 29 Julai 1993, m/s 2.

<sup>252</sup> *Utusan Malaysia*, 12 Ogos 1993, m/s 1.

<sup>253</sup> *Utusan Malaysia*, 13 Ogos 1993, m/s 5.

<sup>254</sup> *New Straits Times*, 28 Julai 1993, m/s 7.

Mengikut penganalisa politik, satu-satu jalan yang boleh mencegah Anwar untuk memenangi jawatan Timbalan Presiden adalah dengan penyertaan Musa Hitam dalam pertandingan jawatan Naib Presiden. Penganalisaan ini menunjukkan bahawa peningkatan pengaruh Anwar di dalam UMNO telahpun menyebabkan bekas tokoh utama dalam Team A (Sanusi) dan Team B (Musa dan Abdullah Badawi) berpaktak untuk menghadapinya. Walau bagaimanapun, khabar angin tersebut tidak menjadi kenyataan.

Mengikut K. S. Jomo Sundram dan Shamsul A. B, keputusan Musa yang tidak ingin bertanding selain daripada sebab kurang berminat, ia mungkin juga disebabkan oleh kekurangan wang dan telah lama terputus hubungan dengan akar umbi parti. Selain itu beliau juga tidak mempunyai penyokong yang jelas kecuali Shahrir Samad. Dengan kata lain, Musa Hitam tidak mempunyai peluang untuk menang kerana beliau tidak mempunyai jentera untuk bertarung semula.<sup>255</sup>

#### **Anwar Mencabar Ghafar Dengan *Team Wawasan***

Pada 23 haribulan Ogos 1993, seminggu sebelum pencalonan untuk pemilihan parti, Anwar mengumumkan senarai pasukannya yang digelar sebagai *Team Wawasan* di Ibupejabat UMNO. Senarai itu adalah sama dengan senarai cadangan Kelab Penyokong Kerajaan yang diumumkan sebulan sebelum itu. Barisan itu termasuk tiga calon Naib Presiden, iaitu Muhammad Muhd. Taib,<sup>256</sup> Najib Tun Razak<sup>257</sup> dan

<sup>255</sup> *Asiaweek*, 11 Ogos 1993, m/s 23.

<sup>256</sup> Menteri Besar Selangor Mohamed Taib, 48 tahun, terkenal sebagai penyokong Anwar yang kuat. Beliau mendapat jumlah undi yang kedua tinggi dalam pemilihan Majlis Tertinggi pada tahun 1990. Beliau merupakan Menteri Besar yang mentadbir salah sebuah negeri yang paling kaya di Malaysia. Rujuk: *Far Eastern Economic Review*, 15 April 1993, m/s 23-24.

Muhyiddin Yassin.<sup>258</sup> Calon untuk jawatan Ketua Pemuda UMNO, ialah Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik. Adalah jelas bahawa Anwar memilih anggota pasukannya secara merancang dan berhati-hati. Ketiga-tiga calon Naib Presiden dipilih adalah kerana mereka masing-masing mempunyai pengaruh yang kuat di Negeri Selangor, Johor dan Pahang. Rahim Tamby Chik dipilih demi mengurangkan sokongan Ghafar di Melaka.

Pemimpin UMNO yang hadir dalam sidang akhbar *Team Wawasan* Anwar termasuk 6 Menteri Besar UMNO, 9 daripada 14 Menteri UMNO dalam kabinet dan 16 Timbalan Menteri UMNO.<sup>259</sup> Sesetengah tokoh UMNO yang menghadiri sidang akhbar tersebut dikatakan tidak diberitahu tentang tujuan sidang akhbar tersebut, tetapi kehadiran mereka berjaya menonjolkan Anwar mendapat sokongan yang kuat daripada kebanyakan pemimpin UMNO, khususnya hampir semua Menteri Besar, kecuali Mohd Isa Samad. Adalah jelas bahawa sasarannya adalah untuk menyingkirkan Abdullah Badawi, Sanusi Junid dan Rafidah Aziz. Pada hari yang sama, penyokong Anwar mula menyeru Ghafar supaya jangan mempertahankan jawatan beliau sebagai Timbalan Presiden parti. Menteri Besar Terengganu, Wan

<sup>257</sup> Menteri Pertahanan yang juga Ketua Pemuda UMNO Najib Abdul Razak, 40 tahun. Beliau adalah anak kepada Allayarham Tun Abdul Razak, bekas Perdana Menteri. Beliau menjadi Ahli Parlimen semasa berumur 22 pada 1976 dan menjadi Timbalan Menteri yang paling muda pada tahun 1978 semasa beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri kepada Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos. Beliau kemudian dilantik ke Kementerian Pendidikan dan Kewangan. Pada tahun 1982, beliau dilantik sebagai Menteri Besar Pahang, iaitu negeri asal beliau. Beliau pernah menjadi Naib Ketua Pemuda ketika Anwar mengetuai Pemuda UMNO. Dalam pertarungan kuasa UMNO pada tahun 1987, beliau condong kepada Team B, tetapi beliau menukar pendirian dan memberi sokongan kepada Mahathir pada saat-saat terakhir. Rujuk *Asiaweek*, 18 Ogos 1993, m/s 22.

<sup>258</sup> Menteri Besar Johor Muhyiddin Yassin, 46 tahun, adalah bekas menteri persekutuan yang pernah bertanding jawatan Naib Presiden pada tahun 1990 tetapi gagal dipilih. Masalah Muhyiddin yang utama datang daripada asasnya di Johor yang diganggu oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam. Musa Hitam yang meletakkan jawatan kerana tidak dapat bekerjasama dengan Dr. Mahathir pada 1986 dikatakan sedang menunggu peluang untuk balik ke pangkuhan UMNO. Walau bagaimanapun, profil kebangsaan Muhyiddin bertambah kuat kerana pengendalian isu meluputkan kekebalan Raja-raja. Rujuk: *Far Eastern Economic Review*, 15 April 1993, m/s 23-24.

<sup>259</sup> *Aliran Monthly*, 1993:13(9), m/s 3.

Mokhtar Ahmad berkata bahawa beliau akan menemui Ghafar Baba untuk menyampaikan hasrat para Menteri Besar dan Ketua Menteri mengenai perkara ini.<sup>260</sup>

Penyokong Ghafar masih bertegas supaya beliau mempertahankan kerusi Timbalan Presiden, Sanusi Junid dan Abdullah Badawi daripada puaknya juga tetap mempertahankan jawatan Naib Pengerusi masing-masing. Selain daripada itu, Menteri Undang-undang Syed Hamid dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Mohd Isa Samad membuat keputusan bertanding jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

### **Sokongan Terhadap Anwar Meningkat**

Pengumuman Anwar pun membuka tirai kepada pertarungan kuasa yang telah lama dinanti-nantikan. Anwar menikmati kemenangan sejak hari pertama pencalonan dibuka. 9 Bahagian mencalonkan beliau untuk jawatan Timbalan Presiden.<sup>261</sup> Selepas itu, pencalonan terhadap Anwar dan sekutunya dalam *Team Wawasan* bergulung masuk seperti bola salji. Anwar mendapat 81 pencalonan di antara 87 bahagian yang tamat mengadakan persidangan perwakilan bahagian dalam minggu pertama.<sup>262</sup>

Pengaruh Anwar yang bertambah kuat berjaya menarik ramai pemimpin UMNO yang neutral dan menteri dalam kabinet untuk menyokongnya. Ramai penyokong Ghafar juga kelihatan menukar pendirian dan mendekati puak Anwar. Ini termasuk dua tokoh yang paling rapat dengan Mahathir yang pernah berkempen menentang Anwar, iaitu bekas Menteri Kewangan Daim Zainuddin dan Timbalan Menteri Dalam Negeri

<sup>260</sup> *Utusan Malaysia*, 24 Ogos 1993, m/s 3.

<sup>261</sup> *Utusan Malaysia*, 10 September 1993, m/s 1.

<sup>262</sup> *Utusan Malaysia*, 13 September 1993, m/s 1.

Megat Junid.<sup>263</sup> Selain daripada itu, Rafidah Aziz juga mengubah pendirian dan menyatakan sokongan Wanita UMNO terhadap keputusan Anwar untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden.<sup>264</sup>

### **Mahathir Berubah Pendirian**

Setelah Anwar mengisyiharkan keputusannya untuk bertanding, Mahathir kelihatan menyetujuinya. Pada minggu pertama bulan Ogos, beliau berkata akan mengambil pendirian berkecuali dan mengikut hasrat keahlian parti.<sup>265</sup> Pendirian berkecuali Mahathir diinterpretasi oleh puak Anwar sebagai satu sokongan dan persetujuan manakala ia dilihat oleh puak Ghafar sebagai tikaman dari belakang. Perubahan pendirian Mahathir dalam soal ini menjadi lebih jelas selepas beliau mempengaruhi mesyuarat Majlis Tertinggi pada 6 September.<sup>266</sup> Sokongan Mahathir terhadap Anwar kelihatan lebih nyata bila pencalonan terhadap Anwar mula berguling masuk sejak 9 September,<sup>267</sup> beliau menasihatkan calon-calon yang tidak boleh menang dalam pemilihan parti November menarik diri, ini diinterpretasi sebagai menyeru Ghafar agar berundur secara terhormat.<sup>268</sup> Perubahan pendiriannya amat

<sup>263</sup> Daim menyatakan kekagumannya kerana prestasi Anwar sebagai Menteri Kewangan. Baca: *Utusan Malaysia*, 6 September 1993, m/s 2. Anwar dikatakan bertemu dengan Megat dan berkata bahawa beliau telah mendapat sokongan daripada lebih 100 bahagian UMNO, sokongan yang sukar dinafikan oleh Dr. Mahathir. *Far Eastern Economic Review*, 23 September 1993, m/s 20.

<sup>264</sup> *Utusan Malaysia*, 28 Ogos 1993, m/s 2.

<sup>265</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Ogos 1993, m/s 1. *Far Eastern Economic Review*, 2 September 1993, m/s 13.

<sup>266</sup> "Beliau berkata, nasihatnya agar tidak berlaku pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO sudah menjadi sejarah sekarang kerana ahli-ahli parti beranggapan demokrasi memberi mereka hak untuk menolak nasihat tersebut." Katanya, beliau pada asasnya berpuashati walaupun masih berlaku beberapa perkara yang tidak diingini termasuk perbuatan penyokong-penyokong calon tertentu membuat pelbagai tuduhan ke atas calon lain yang mereka tidak sokong." Petikan daripada *Utusan Malaysia*, 7 September 1993, m/s 1-2; *Far Eastern Economic Review*, 23 September 1993, m/s 20.

<sup>267</sup> Sembilan bahagian UMNO mencalonkan Anwar sebagai Timbalan Presiden pada hari tersebut. Baca *Utusan Malaysia*, 10 September 1993, m/s 1.

<sup>268</sup> Beliau dilaporkan berkata, "...calon harus menerima keputusan jika tewas dan menyokong calon yang dipilih oleh majoriti sekurang-kurangnya sehingga tempoh pemilihan akan datang .....". Rujuk: *Utusan Malaysia*, 11 September 1993, m/s 1; *Far Eastern Economic Review*, 23 September 1993, m/s 20

mengecewakan puak Ghafar kerana Ghafar pernah memberi kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada Mahathir.

### **UMNO Sabah Menyokong Anwar**

Salah satu strategi yang digunakan oleh kem Anwar untuk menewaskan Ghafar Baba ialah dengan menembusi bahagian-bahagian UMNO yang diketuai oleh Ghafar, khususnya UMNO Sabah di mana Ghafar adalah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri itu. Tindak-tanduk penyokong Anwar di Sabah menimbulkan kemarahan Mustapha Harun, iaitu Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah dan bekas Ketua Menteri Sabah. Beliau merupakan orang pertama yang membidas tindak-tanduk puak Anwar di Sabah secara terbuka.<sup>269</sup> Selepas Anwar mengumumkan keputusan bertanding, 19 daripada 20 Ketua Bahagian UMNO di Sabah berkata mereka tidak puas hati dengan cara Ghafar Baba mengetuai UMNO Sabah.<sup>270</sup> Selepas itu, mereka pun mengisyiharkan sokongan mereka kepada Anwar untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden kecuali Bahagian Marudu yang diketuai oleh Mustapha.<sup>271</sup>

Perbuatan mereka amat memarahkan Ghafar, beliau mendakwa para Ketua Bahagian negeri itu ‘dibeli’ oleh Anwar kerana kononnya penyokong Anwar menggunakan wang semasa menjalankan pujukan mereka.<sup>272</sup> Selain itu, Ghafar juga mendakwa bahawa sesetengah pengurus tetap bahagian ‘menyekat’ pencalonan namanya dalam mesyuarat perwakilan di Sabah dan juga di Semenanjung. Kenyataan Ghafar ini

<sup>269</sup> Tun Mustapha Harun merupakan veteran UMNO merangkap bekas Ketua Menteri Sabah dalam tahun 1970an. Beliau kemudian dikeluarkan daripada jawatan tersebut dan diganti oleh Harris Salleh dalam tahun 1976 kerana terlibat dalam aktiviti untuk memisahkan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan. Rujuk: *Berita Harian*, 21 Julai 1993, m/s 2.

<sup>270</sup> *Utusan Malaysia*, 10 September 1993, m/s 1.

<sup>271</sup> *Mingguan Malaysia*, Ahad, 12 September 1993, m/s 8.

kemudian dikritik oleh para Ketua Bahagian UMNO Sabah dan tokoh dalam *Team Wawasan* seperti Rahim Tamby Chik dan Muhammad Taib.<sup>273</sup> Cara UMNO Sabah memalukan beliau secara terbuka menyebabkan beliau meletakkan jawatannya sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri Sabah dan Pengerusi BN Sabah di Kota Kinabalu pada akhir September.<sup>274</sup>

Pada 29 September, Jawatankuasa Penyiasat Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan mengenepikan arahan Ghafar yang menghendaki Bahagian Batu untuk mengadakan persidangan perwakilannya semula, dengan alasan arahan Ghafar tersebut dibuat tanpa merujuk kepada Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan terlebih dahulu dan ia adalah bersifat peribadi.<sup>275</sup> Ini merupakan satu lagi tamparan kepada Ghafar sebagai pemimpin Nombor 2 dalam UMNO.

Sehingga 26 September, Anwar telah mendapat 95% pencalonan daripada bahagian-bahagian UMNO, iaitu 138 daripada jumlah 153 pencalonan, tetapi kempennya masih diteruskan. Objektif kempennya adalah bertujuan untuk mendorong Ghafar mengundur diri daripada pertandingan supaya Anwar boleh menang tanpa bertanding. Selain daripada menggunakan media yang dikawal olehnya seperti *TV3*, *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*, puak Anwar juga menggunakan tokoh terkenal di luar UMNO untuk menyokong cabarannya, seperti tokoh pendidikan Dr. Awang Had Salleh, karyawan filem veteran Jin Shamsuddin, Setiausaha Agung CEUPACS A. H. Ponniah, Setiausaha Agung Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO) K. Sanmugam.<sup>276</sup>

<sup>272</sup> *Utusan Malaysia*, 13 September 1993, m/s 1.

<sup>273</sup> *Utusan Malaysia*, 14 September 1993, m/s 1; *Utusan Malaysia*, 15 September 1993, m/s 1.

<sup>274</sup> *Utusan Malaysia*, 1 Oktober 1993, m/s 1.

<sup>275</sup> *Utusan Malaysia*, 30 September 1993, m/s 1.

<sup>276</sup> Mereka berkata adalah lebih baik bagi Ghafar menarik diri daripada bertanding, dan juga imej Ghafar tetap unggul sekiranya beliau tidak bertanding, mereka juga menyarankan kerajaan supaya

Selain itu, cadangan melantik Ghafar sebagai Menteri Kanan seperti Lee Kuan Yew di Singapura sekiranya beliau menarik diri daripada pertandingan juga mula ditimbulkan dan diulangi oleh Muhd Taib dan Najib Tun Razak.<sup>277</sup>

Selain itu, akhbar-akhbar Bahasa Malaysia mula menonjolkan Anwar sebagai tokoh yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai suatu kelebihan berbanding dengan Ghafar. *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan Majalah *Euromoney* di Amerika Syarikat yang menyiarkan artikel memuji Anwar sebagai Menteri Kewangan yang terkemuka kerana ‘berjaya mengurus masalah-masalah yang berkaitan dengan kewangan, termasuk ekonomi yang bertumbuh pesat dan pengaliran masuk pelaburan asing yang banyak, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berkembang pada kadar purata hampir sembilan peratus setahun, manakala perusahaan berkembang dengan rancaknya.’<sup>278</sup> Selepas itu, *Utusan Malaysia* juga menyiarkan artikel yang ditulis oleh Astora Jb yang berkata pelbagai akhbar Thai memberi tumpuan kepada Anwar dalam Seminar Segi Tiga Pertumbuhan yang diadakan di Haadyai, Songkhla pada 12 September 1993, sehingga seminar tersebut hampir merupakan seminar Anwar Ibrahim. Penulis tersebut juga melaporkan bahawa ketua pengarang daripada salah satu suratkhabar Bahasa Thai yang terkenal, *Krungthe Kurakit*, telah menulis sekurang-kurangnya 6 rencana mengenai Anwar dan disiarkan di akhbar itu setiap hari secara berturut-turut.<sup>279</sup>

---

memberi Ghafar kedudukan yang setimpal dengan perkhidmatan dan pengorbanannya terhadap negara jika beliau tidak lagi menjadi Timbalan Presiden UMNO. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 28 September 1993, m/s 1; 29 September 1993, m/s 2; 30 September 1993, m/s 5.

<sup>277</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 1993, m/s 9.

<sup>278</sup> *Utusan Malaysia*, 29 September 1993, m/s 1.

<sup>279</sup> *Utusan Malaysia*, 2 Oktober 1993, m/s 6.

## **Ghafar Meletakkan Jawatan**

Ghafar mengambil cuti secara tiba-tiba pada 15 September.<sup>280</sup> Seminggu kemudian, setiausaha akhbarannya mengeluarkan kenyataan bahawa Ghafar akan mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNOnya.<sup>281</sup> Walau bagaimanapun, bilangan pencalonan yang jauh ketinggalan daripada Anwar dan juga pelbagai tekanan daripada parti dan media akhirnya menyebabkan Ghafar meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 15 Oktober 1993.<sup>282</sup>

Pada hari akhir pencalonan, Anwar berjaya memperolehi 145 pencalonan manakala Ghafar hanya mendapat 7 pencalonan sahaja.<sup>283</sup> Ini bererti Anwar telah memperolehi 1,450 undi bonus berbanding dengan 70 undi yang didapati oleh Ghafar dalam proses pencalonan sebelum pun pertandingan sebenar berlangsung. Mahathir pula mendapat pencalonan daripada semua bahagian, iaitu 152 pencalonan.

<sup>280</sup> *Utusan Malaysia*, 16 September 1993, m/s 1.

<sup>281</sup> *Utusan Malaysia*, 22 September 1993, m/s 1.

<sup>282</sup> *Utusan Malaysia*, 16 Oktober 1993, m/s 1.

<sup>283</sup> *Utusan Malaysia*, 18 Oktober 1993, m/s 1.

**Jadual Pencalonan Untuk Jawatan-Jawatan Tertinggi UMNO Pada 17 Oktober**

**1993:**

<b>Jawatan</b>	<b>UNDI</b>
<b>Presiden</b>	
Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad	152
<b>Naib Presiden</b>	
Datuk Seri Najib Tun Razak	148
Tan Sri Muhammad Muhd. Taib	138
Tan Sri Muhyiddin Yassin	133
Datuk Abdullah Ahmad Badawi	16
Datuk Seri Sanusi Junid	13
Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad	6
Datuk Dr. Yusof Noor	1
Datuk Seri Anwar Ibrahim	1
Jumlah Bahagian 153. Bahagian Kubang Pasu tidak membuat sebarang pencalonan.	

(Sumber: *Utusan Malaysia*, 18 Oktober 1993, m/s 1)

Pada hari terakhir pencalonan, *Utusan Malaysia* menyatakan laporan yang mengatakan bahawa Sanusi Junid dan Abdullah Badawi akan meletakkan jawatan sebagai menteri kabinet ekoran keputusan Ghafar Baba,<sup>284</sup> tetapi ini dinafikan oleh kedua-dua mereka pada keesokan harinya.

<sup>284</sup> *Utusan Malaysia*, 18 Oktober 1993, m/s 1.

## Keputusan Pemilihan UMNO 1993

Pada 21 Oktober 1993, Anwar Ibrahim dengan rasminya diumumkan sebagai menang tanpa bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden.<sup>285</sup> Empat hari kemudian, Ghafar Baba meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung BN yang disandangnya selama 19 tahun.<sup>286</sup>

Ketiga-tiga ahli *Team Wawasan* menang dalam pertandingan jawatan Naib Presiden. Bagaimanapun, apa yang mengejutkan semua pihak ialah Muhyiddin Yassin mendapat undi yang paling banyak, diikuti dengan Najib Tun Razak dan Muhammad Taib; manakala Abdullah Badawi dan Sanusi Junid tewas dengan menduduki kedudukan yang keempat dan kelima dari segi perolehan jumlah undi masing-masing. Selain daripada itu, Rahim Tamby Chik berjaya merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO apabila menewaskan Mohd Isa Samad dengan kelebihan 44 undi. Rahim mendapat 264 undi manakala Isa mendapat 220 undi.<sup>287</sup> Hishamuddin Tun Hussein yang muncul buat pertama kalinya dalam pentas politik nasional merupakan calon yang mendapat undi terbanyak dalam barisan exco Pemuda UMNO.<sup>288</sup>

<sup>285</sup> *Utusan Malaysia*, 22 Oktober 1993, m/s1.

<sup>286</sup> *Berita Harian*, 26 Oktober 1993, m/s 1.

<sup>287</sup> *Asiaweek*, 17 November 1993, m/s 20.

<sup>288</sup> *Berita Harian*, 4 November 1993, m/s 2. Barisan exco mengikut jumlah undi terbanyak adalah: Hishamuddin Tun Hussein (291 undi), Ridzuan Abdul Hamid (265 undi), Shahiruddin Abdul Moin (260 undi), Mohd Al-Amin Abdul Majid (236 undi), Zubir Embong (230 undi), Mohd Fatmi Salleh (225 undi), Jema Khan Majid (225 undi), Khalid Nordin (221 undi), Asaari Ibrahim (216 undi), Abdul Fatah Iskandar (211 undi), Ruslan Kassim (204 undi), Shafie Afdal (198 undi), Ahmad Sudin (196 undi), Noordin Mohd Noor (195 undi) dan Ariss Samsuddin (190 undi). Di antaranya, enam calon yang mempertahankan kerusi Exco Pergerakan Pemuda UMNO dipilih semula memegang jawatan itu. Mereka adalah Ridzuan Abdul Hamid, Shahiruddin Abdul Moin, Mohd Al-Amin Abdul Majid, Ariss Samsuddin, Mohd Fatmi Salleh dan Zuber Embong. Terdapat sembilan muka baru dipilih dalam pemilihan ini, mereka adalah: Hishamuddin Tun Hussein, Jema Khan Majid, Khalid Nordin, Ruslan Kassim, Abdul Fatah Iskandar, Asaari Ibrahim, Shafie Afdal, Ahmad Sudin, Noordin Mohd Noor

Tujuh Pencalonan Yang Diperolehi Oleh Ghafar adalah:

Bahagian	Ketua Bahagian
Segamat	Musa Hitam
Kepala Batas	Abdullah Badawi
Johor Baru	Shahrir Samad (penyokong Musa)
Tasik Gelugor	Sharif Omar (penyokong Abdullah Badawi)
Merudu	Mustapha
Jasin	Ghafar Baba
Langkawi	Sanusi Junid

Faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan Anwar adalah seperti berikut:

### 1) Masa yang tepat

UMNO telah mengalami perubahan yang besar dari segi komposisi keahlian parti. Ia telah menjadi sebuah parti yang mempunyai keahlian yang muda. 60% daripada ahlinya adalah golongan yang kurang daripada 40 tahun, tidak termasuk anggota sayap wanita dan pemuda parti itu. Selain daripada itu, lebih daripada setengah anggota kabinet Mahathir dan Ketua Menteri berumur di sekitar awal 40an, ramai di antara pemimpin dan ahli-ahli ini adalah golongan profesional dan peniaga yang berpendidikan tinggi. Mereka mempunyai harapan yang tinggi terhadap kelayakan bakal Perdana Menteri. Mereka menghendaki seorang pemimpin yang intelek dan berwawasan untuk menggantikan Mahathir.

Penyokong Anwar berpendapat pemilihan ini adalah masa yang terbaik untuk mencabar Ghafar kerana sentimen untuk menyokongnya sangat tinggi pada masa itu. Mereka bimbang sokongan kemuncak tersebut akan terlepas kalau Anwar tidak mengambil peluang untuk merebut jawatan itu. Selain itu, mereka juga berpendapat kerjaya politik Anwar tidak akan berakhir sekiranya beliau gagal dalam percubaan itu.<sup>291</sup>

## 2) Kawalan Media

Media aliran utama boleh dikatakan telah memberi sokongan yang tinggi kepada Anwar. Ini adalah kerana beliau mempunyai hubungan yang baik dengan para pengendali atasan akhbar. Bekas setiausaha akhbar Anwar, Khalid Jaafar berkata Anwar selalu mengadakan perjumpaan dengan mereka sejak beliau menjadi Naib Presiden UMNO, tetapi Ghafar dan Abdullah Badawi tidak mempunyai hubungan yang begitu rapat dengan media. Tetapi sebenarnya, Anwar juga telah membuat rancangan yang teliti untuk mengawal media tempatan sebelum cabarannya dilancarkan.

Mengikut penulis dan pengkritik politik Ahmad Lufti Othman, tujuan Anwar menarik Mohamed Rahmat, Setiausaha Agung UMNO selaku Menteri Penerangan ke kemnya adalah demi menguasai *RTM*. Sebab Mohamed Rahmat menyertai kem Anwar juga adalah demi masa hadapan beliau dalam UMNO kerana Anwar dilihat sebagai pewaris Mahathir. Sidang akhbar pengumuman *Team Wawasan* dan ‘perang

---

<sup>291</sup> Pendapat yang diutarakan oleh Fuad Hassan, ADUN Selangor dalam *Asiaweek*, 17 November 1993, m/s 23.

besar'nya terhadap Ghafar yang dilakukan di Ibupejabat UMNO sebenarnya diuruskan oleh Mohamed Rahmat.<sup>292</sup>

Setelah menguasai *RTM*, penyokong Anwar menguasai *TV3* dan kumpulan akhbar *NSTP* yang dipunyai oleh Kumpulan Renong yang dikuasai oleh Halim Saad, sahabat karib Daim Zainuddin. Halim Saad tidak sehaluan dengan Anwar mulai awal tahun 1991 atas ketidaksetujuan terhadap pengurusan dan kawalan editorial *NSTP*.<sup>293</sup> Untuk mencapai penguasaan langsung, puak Anwar telah melakukan 'pembelian oleh pihak pengurusan' (Management Buy-Out), di mana Kadir Jasin, Ketua Pengarang *NST*, Nazri Abdullah, Ketua Pengarang *Berita Harian* serta Khalid Haji Ahmad, Pengarah Urusan dan Mohd Noor Mutablib, Pengurus Besar kumpulan mengambil-alih *NSTP*. Mereka menguasai 48.01 peratus dalam *NSTP* dan 43.22 peratus dalam *TV3* dengan pembayaran sebanyak RM800 juta. Dengan itu, Anwar dapat menegakkan pengaruhnya di bawah Kumpulan *NSTP*.<sup>294</sup>

Bagi kumpulan akhbar *Utusan Melayu* dan *Watan* pula, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Zainuddin Maidin (Zam) yang dianggap sebagai 'bukan orang Anwar' digantikan oleh Johan Jaafar yang merupakan 'orang Anwar'.<sup>295</sup> Manakala Zainal Epi di *Watan* yang dianggap sebagai 'orang Ghafar-Sanusি-Abdullah Badawi' diganti

<sup>292</sup> Menurut bekas setiausaha akhbar Anwar, Khalid Jaafar, idea tersebut dibangkitkan oleh Nazri Abdullah pada mulanya. Pada masa itu, Anwar tidak begitu berminat tentang cadangan tersebut. Beliau mempunyai minat selepas beliau mendapat Daim berminat untuk mengadakan pegangan yang lebih besar terhadap *NSTP*. Rujuk: Ahmad Lufti Othman, *Anwar-Mahathir Krisis: Daim Pencetus Kontroversi Baru*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda, 1994, m/s 189-197.

<sup>293</sup> Terence Gomez, 'Anwar's men gain media control?: The management buy-out of *NSTP* and *TV3*' yang disiarkan dalam *ALIRAN MONTHLY*, 1993:13(2), m/s 2.

<sup>294</sup> Kadir Jasin dipandang oleh pemerhati politik sebagai 'orang Mahathir' manakala Nazri Abdullah dianggap sebagai 'orang Anwar'. Jadi sokongan yang diberi oleh *NST* terhadap Anwar adalah tidak ketara manakala *Berita Harian* lebih memberi penekanan kepada Anwar berbanding dengan Ghafar. Pendirian kedua-dua akhbar ini juga dibayangkan dalam ruang yang ditulis oleh Kadir Jasin dan Nazri Abdullah di akhbar masing-masing.

oleh Nasharuldin Abdul Rahman (Nash) yang dianggap sebagai ‘bukan orang Ghafar’.<sup>296</sup>

Penguasaan media melalui pembelian pengurusan dan penukaran pengarang kanan menyebabkan kemenangan pemilihan itu menjadi mudah. Akhbar Bahasa Malaysia seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* bukan sahaja menyiar laporan dan artikel yang berpihak kepada Anwar, mereka juga membantu membina imej Anwar dan sekutunya dalam *Team Wawasan* sebagai pemimpin kebangsaan yang boleh memimpin Melayu Baru dan Malaysia ke era baru. Selain daripada itu, akhbar Bahasa Malaysia juga sentiasa menyiar artikel dan editorial yang membincangkan isu ‘ciri-ciri memilih pemimpin’. Sebaliknya media tersebut sengaja menonjol imej Ghafar sebagai ‘lembap’ dan lemah di samping mengurangkan peluang publisiti beliau dan rakan-rakannya.

Pengawalan media oleh puak Anwar menyebabkan puak Ghafar menghadapi masalah untuk menyampaikan maklumat mereka. Puak Ghafar pernah cuba melancarkan suratkhabar *The Observer* bagi penduduk di Sabah untuk menyokong kepemimpinan Ghafar, tetapi ia gagal kerana kekurangan modal.<sup>297</sup>

### 3) Menonjolkan Diri Sebagai Pewaris Mahathir

Dalam sidang akhbar pengumuman *Team Wawasan*, Anwar berkata bahawa keputusannya juga ‘didorong dengan iltizam untuk membantu Presiden UMNO, Dato’ Sri Dr. Mahathir Mohamad bagi meletakkan parti pada landasan yang lebih kukuh dan

<sup>295</sup> Pertukaran Zam juga disebabkan oleh kritikan yang dilemparkan oleh beliau terhadap Mahathir, di mana Mahathir menggunakan Bahasa Inggeris dalam satu wawancara di sebuah stesen TV di Jakarta. Artikelnya yang disiarkan di *Utusan Malaysia* itu amat memarahkan Mahathir.

<sup>296</sup> Ahmad Lufi Othman, op.cit.

memperhebatkan pembangunan bumiputera serta negara keseluruhannya dalam pelbagai bidang.<sup>298</sup>

Soal pewarisan dan kesinambungan kepemimpinan parti dijadikan tema utama dalam kempen Anwar. Anwar berkali-kali menekankan perhubungan rapat di antara beliau dengan Mahathir dalam ucapannya dan juga di mesyuarat tertutup dan perbualan dengan media. Beliau malah memberitahu media asing seperti Majalah *Far Eastern Economic Review* bahawa Mahathir menghendaki beliau untuk menjadi pewarisnya.<sup>299</sup>

Penyokong Anwar menegaskan bahawa soal pewaris Perdana Menteri harus ditentukan pada masa itu dan Anwar merupakan orang yang paling sesuai. Pendirian neutral Mahathir terhadap pertandingan kuasa ini juga memberi lebih ruang kepada puak Anwar untuk mengeksplorasi isu pewaris.

#### 4) Penonjolan Anwar Sebagai Pemimpin 'Melayu Baru' Yang Berwawasan

Ghafar mempunyai gaya politik yang lebih condong kepada politik musyawarah kampung yang menarik ahli UMNO yang lebih tua dan konservatif. Dalam kempen beliau, Ghafar dilaporkan menghendaki parti itu mengekalkan sifatnya sebagai 'parti kampung' dan memastikan ia tidak ditembusi oleh mereka yang datang daripada kalangan korporat. Beliau juga menyeru orang kampung yang terdiri daripada nelayan, petani dan guru mempertahankan parti itu supaya tidak dijadikan sebagai 'bahan dagangan oleh golongan korporat yang kini mahu menguasai UMNO'. Beliau

<sup>297</sup> *Asiaweek*, 16 Jun 1993, m/s 35.

<sup>298</sup> *Utusan Malaysia*, 24 Ogos 1993, m/s 1.

<sup>299</sup> *Far Eastern Economic Review*, 23 September 1993, m/s 20.

menyifatkan ‘golongan tersebut hanya berminat untuk mendapatkan undi orang kampung untuk berkuasa dan demi mencapai kepentingan mereka.’<sup>300</sup>

Sebaliknya, kempen Anwar yang baik dirancang sengaja mengunjurkan beliau sebagai pemimpin era baru (*man of the times*), pemimpin yang muda, dinamik, pragmatik dan berkelayakan untuk mewarisi Mahathir. Media yang terkawal oleh puak Anwar juga menonjolkan imej kesemua anggota dalam *Team Wawasan* sebagai pemimpin yang cergas dan muda, dan berkemampuan untuk membimbang Malaysia untuk menunaikan ‘Wawasan 2020’, di mana kaum Melayu akan menjadi ‘Melayu Baru’ yang merupakan bangsa bertaraf dunia.<sup>301</sup>

Istilah ‘Melayu Baru’ banyak digunakan oleh tokoh dalam *Team Wawasan* untuk menyifatkan Melayu yang meninggalkan masyarakat kampung dan berkeyakinan diri kerana kejayaan dan kekayaan mereka. Walaupun idea tersebut dikritik oleh puak Ghafar sebagai menjemput individu ataupun kumpulan kaya untuk mendominasikan UMNO, dan ia akan mencairkan penyatuan UMNO dengan budaya Melayu dan identiti kaum;<sup>302</sup> tetapi gaya dan tema puak Anwar berjaya mendapat sambutan yang baik di dalam UMNO dan di kalangan masyarakat Melayu.

## 5) Undi Bonus

Walaupun tujuan asal memperkenalkan sistem undi bonus ini adalah demi mempertahankan kerusi penyandang kuasa, tetapi ia langsung tidak bermanfaat

<sup>300</sup> *Utusan Malaysia*, 18 Ogos 1993, m/s 1.

<sup>301</sup> ‘Wawasan 2020’ mula dibangkitkan oleh Mahathir pada awal bulan Mac 1991 di Majlis Perniagaan Malaysia. Beliau kemudian mengulanginya dalam ucapan Presiden dan ucapan Ketua Pemuda UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung pada 6 hingga 8 November 1991.

<sup>302</sup> *Far Eastern Economic Review*, 30 September 1993, m/s 18-20.

kepada Ghafar tetapi sebaliknya digunakan oleh Anwar untuk menewaskan Ghafar dengan jayanya.

Puak Anwar menggunakan bilangan pencalonan yang diterima untuk menghantar mesej kepada Mahathir dan Ghafar bahawa Anwar dikehendaki oleh akar umbi dalam parti untuk menjadi Timbalan Presiden. Mereka menggunakan nombor pencalonan untuk menolak seruan Mahathir supaya Ghafar tidak dicabar.

#### **6) Rangkaian Penyokong Yang Kuat**

Kempen Anwar menunjukkan beliau mahir dari segi mengorganisasi akar-umbi. Jawatannya sebagai bekas Menteri Pendidikan dan kemudiannya Menteri Kewangan memberi peluang kepada beliau untuk berhubung dengan cendekiawan yang muda di bidang media, akademik dan perniagaan. Ia juga memberi peluang kepada beliau untuk mendapat sokongan dari segi sumbangan idea, strategi dan wang yang diperlukan oleh beliau untuk kempennya. Selain daripada itu, perhubungan beliau dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) juga telah membantu beliau untuk menujuhkan suatu rangkaian aktivis Islam, yang menyokong beliau pada tahap akar-umbi.

Dalam kempennya, Anwar menggunakan penyokongnya di pelbagai peringkat dan sektor dalam UMNO untuk menjadi jurucakapnya sehingga beliau kelihatan bertanding atas desakan daripada para pemimpin dan akar-umbi. Selepas itu, beliau juga menggunakan penyokongnya dalam parti, media dan pertubuhan luar untuk mendesak Ghafar berundur diri.

## 7) Politik Wang

Walaupun Anwar membantah korupsi dalam politik, tetapi politik wang telah menjadi budaya dalam politik UMNO dan membanjiri seluruh kempen pemilihan UMNO dan ia digunakan oleh pihak pencabar dan penjawat kini untuk meraih sokongan masing-masing. Adalah dianggarkan bahawa keseluruhan kempen tersebut menelan belanja antara RM200 juta hingga RM300 juta.<sup>303</sup> Adalah dipercayai bahawa jawatan Anwar sebagai Menteri Kewangan telah menyenangkannya untuk mendapat bantuan kewangan daripada ahli korporat untuk membiayai perbelanjaan kempennya. Sebab golongan korporat memberi sumbangan mereka adalah kerana mereka berharap sumbangan tersebut akan membolehkan mereka mendapat naungan kerajaan selepas Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri ataupun pengganti Mahathir kelak.

Komposit indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) naik selama beberapa bulan sebelum pemilihan UMNO dalam November 1993. Harga saham sesetengah syarikat kepunyaan penyokong Anwar melambung naik. Ini termasuk *NSTP*, Idris Hydraulic, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dan lain-lain.

Syarikat	15 Februari 1993	15 Jun 1993	15 Oktober 1993	Peratus kenaikan
TV 3	2.07	2.35	2.55	123%
NSTP	5.80	6.90	8.45	145%
Idris Hidraulic	0.925	3.58	4.86	525%
MRCB	1.658	4.80	4.387	264.6%

(Sumber: CLSA Global Emerging Markets)

Mengikut rekod BSKL, harga saham *TV3*, *NSTP*, Idris Hydraulic dan MRCB masing-masing telah naik 123%, 145%, 525% dan 264.6% dalam bulan Oktober berbanding dengan harga saham dalam Februari pada tahun itu. Adalah dipercayai bahawa harga saham syarikat-syarikat ini ditolak tinggi demi mengumpul wang untuk kampen pemilihan bagi Anwar. Syarikat-syarikat yang mempunyai urusniaga yang baik dalam setengah tahun pertama termasuk syarikat UMNO yang lain seperti Renong, Granite Bhd dan lain-lain.<sup>304</sup> Setengah pihak menjangka bahawa puak Anwar telahpun mengumpul RM200 juta untuk kampen beliau dalam Julai sebelum beliau membuat pengumuman untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden, tetapi dakwaan tersebut dinafikan oleh Anwar.

Penggunaan politik wang dalam kampen pemilihan UMNO juga dibayangkan dalam ucapan sesetengah perwakilan yang membidas politik wang dalam Perhimpunan Agung tersebut. Menurut Ismail Hussein, seorang pemerhati politik Melayu yang berpengalaman, pemilihan tersebut menyaksikan penggunaan wang dalam jumlah yang paling banyak dalam sejarah pemilihan parti. Keadaan ini juga diakui oleh Mahathir sendiri. Beliau kemudian bercadang mengambil langkah untuk membendung politik wang dalam pemilihan parti pada masa hadapan.<sup>305</sup>

<sup>303</sup> Edmund Terence Gomez, *Chinese Business in Malaysia: Accumulation, Accommodation and Ascendance*, Britain: Curzon Press, 1999, m/s 150.

<sup>304</sup> Terdapat tiga cara bagi calon-calon mengumpul dana kampen untuk Pemilihan parti, iaitu:  
i) Melalui saham Bumiputera khas baru yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk kaum Bumiputera yang dijual di bawah paras harga pasaran. Pembeli saham tersebut boleh menjual saham-saham baru ini dan mendapat keuntungan daripadanya; ii) Mengambil-alih korporat; iii) Membeli saham sesebuah syarikat, kemudian menyebarkan khabar angin bahawa harga saham tersebut akan meningkat dan jual kemudiannya. Rujuk: *Asiaweek*, 11 Ogos 1993, m/s 25.

<sup>305</sup> Far Eastern Economic Review, 18 November 1993, m/s 13.

#### **5.4 Perang Terhadap Politik Wang Di Dalam UMNO**

Pada 19 Jun 1994, satu Perhimpunan Agung Khas diadakan untuk meminda perlembagaan parti demi membanteras politik wang. Fasal kecil 5.4 dan 18.1 dalam Perlembagaan UMNO dipinda dan ditambah dengan empat fasal baru, iaitu fasal-fasal kecil 18.4, 18.5, 18.6 dan 18.7 dengan tujuan mengukuhkan peruntukan berkaitan dengan disiplin.<sup>306</sup> Pindaan itu melarang ahli-ahli yang didapati bersalah bertanding mana-mana jawatan dalam parti ataupun dilantik sebagai calon dalam pilihan raya umum, di samping itu, mereka juga boleh dipecat daripada parti. Selain daripada itu, Tataetika Ahli UMNO juga dibentangkan di Perhimpunan Agung Khas tersebut. Tataetika tersebut mengandungi empat perkara intipati kepada pindaan Perlembagaan UMNO, iaitu kesetiaan, penyalahgunaan kuasa dan wang ringgit, kegunaan kekerasan dan ugutan serta fitnah-memfitnah.<sup>307</sup>

Walau bagaimanapun, ramai pemimpin UMNO terus mencabuli usaha membanteras politik wang selepas itu. Contoh yang paling jelas adalah kes Rahim Tamby Chik dan Rafidah Aziz, di mana kedua-dua mereka bebas daripada hukuman Mahkamah dan tindakan disiplin parti.

#### **Saga Rahim Tamby Chik**

Pada tahun 1994, Ketua Pemuda UMNO yang juga Ketua Menteri Melaka Rahim Tamby Chik dituduh oleh Ahli Parlimen DAP Kota Melaka, Lim Guan Eng,

<sup>306</sup> Fasal 18.1 dalam Perlembagaan UMNO dipinda dengan memasukkan perkataan: "dan boleh mengenakan hukuman kerana melanggar peruntukan Perlembagaan ini dan kesalahan lain yang disenaraikan di dalam Tataetika ahli UMNO atau mana-mana peruntukan lain." Selain daripada itu pindaan itu juga memasukkan perkataan "jawatannya" dan "atau jika ia dikenakan hukuman disiplin yang melarang ia memegang jawatan." Rujuk *Utusan Malaysia*, 20 Jun 1994, m/s 1-2.

<sup>307</sup> *Utusan Malaysia*, 19 & 20 Jun 1994, m/s 1.

melakukan rasuah dan mempunyai kekayaan yang melebihi pendapatannya. Lim Guan Eng membuat banyak laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) tetapi kesemua ini tidak membawa apa-apa kesan. Pada 23 Ogos 1994, hubungan sulit di antara Rahim dengan pelajar gadis berumur 15 tahun telah dibongkarkan oleh *Utusan Malaysia*. Adalah jelas bahawa pendedahan ini mendapat ‘persetujuan’ Anwar kerana akhbar tersebut dikawalnya. Pendedahan ini menyebabkan Mahathir terpaksa mengarahkan siasatan terhadap Rahim. Di samping itu, Pemuda UMNO juga menghendaki beliau mengambil cuti sementara siasatan dijalankan. Pada 8 September tahun itu, Majlis Tertinggi mengumumkan percutian Rahim dalam parti dan jawatannya sebagai Ketua Menteri Melaka sehingga siasatan selesai.

Mulai bulan Oktober 1994, Pemuda UMNO mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh untuk menyingkirkan Rahim manakala Mahathir pula kelihatan cuba mempertahankan jawatan Rahim. Pada 4 Oktober, Pemuda UMNO Negeri Melaka mengeluarkan kenyataan bahawa Pemuda negeri itu tidak mahu lagi Rahim bergiat dalam politik Melaka. Mereka meminta Mahathir atau Anwar untuk mengambil alih jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri itu daripada Rahim.<sup>308</sup> Pada masa itu, Mahathir yang sedang dalam lawatan rasmi ke Turkmenistan mengumumkan bahawa Rahim telah menghantar surat perletakan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan kepada beliau. Pada hari yang sama, Pemangku Ketua Pemuda UMNO, Nazri Aziz menyokong seruan Pergerakan Pemuda Negeri Melaka yang menyeru Rahim berundur daripada politik UMNO Melaka. Beliau juga mengadakan perjumpaan khas dengan 155 Ketua Pemuda UMNO Bahagian dari seluruh negara pada hari yang sama.<sup>309</sup>

<sup>308</sup> *Utusan Malaysia*, 5 Oktober 1994, m/s 1.

<sup>309</sup> *Utusan Malaysia*, 6 Oktober 1994, m/s 1.

Apabila Mahathir pulang ke Malaysia pada 7 Oktober, beliau menyalahkan ‘pihak-pihak tertentu’ memutarbelitkan kes pembabitan Rahim dengan pelajar gadis bawah umur itu.<sup>310</sup> Pada hari yang sama, pemimpin Pemuda UMNO Negeri Melaka menyerahkan memorandum ke pejabat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, mereka menggesa supaya jawatan Ketua Perhubungan UMNO negeri itu dipikul samada oleh Mahathir atau Anwar secepat mungkin untuk membolehkan jentera pilihan raya UMNO berfungsi dengan baik dan berkesan. Selain itu, memorandum itu juga merayu pucuk pimpinan supaya jangan mencalonkan Rahim untuk bertanding dalam pilihan raya umum yang akan datang jika kes itu berlarutan.<sup>311</sup>

Selepas itu, Nazri meluahkan perasaan kesal beliau terhadap tindakan Mahathir yang mempertahankan Rahim. Nazri juga berkata bahawa Pemuda UMNO tersinggung kerana mereka dianggap sebagai kumpulan di belakang satu komplot dalam UMNO untuk menjatuhkan Rahim. Beliau juga mahukan penjelasan daripada Mahathir siapakah yang dimaksudkan di belakang satu komplot dalam UMNO untuk menjatuhkan Rahim. Kenyataan Nazri ini mendapat kritikan daripada beberapa pemimpin UMNO,<sup>312</sup> sehingga beliau terpaksa memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri pada hari berikutnya.<sup>313</sup> Lepas itu, pada 12 Oktober, Majlis Tertinggi UMNO sebulat suara menerima perletakan semua jawatan Rahim dalam

<sup>310</sup> “Pihak-pihak tertentu” yang dirujuk oleh Mahathir adalah Pergerakan Pemuda UMNO yang pro-Anwar yang ingin menumbangkan Rahim Tamby Chik.

<sup>311</sup> *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 1994, m/s 1-2.

<sup>312</sup> Pengkritik termasuk Naib Presiden Muhd Taib, Setiausaha Agung Mohamad Rahmat, Menteri Besar Perlis Abdul Hamid Pawan Teh dan Menteri Besar Terengganu Wan Mokhtar Ahmad. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 10 Oktober 1994, m/s 1.

<sup>313</sup> *Utusan Malaysia*, 12 Oktober 1994, m/s 1.

parti dan kerajaan, ia berkuatkuasa pada tarikh Perdana Menteri menerima surat perletakan jawatannya.<sup>314</sup>

Dengan itu, episod Rahim Tamby Chik yang membangkitkan pertelagahan dalam UMNO pun selesai buat sementara waktu.<sup>315</sup> Rahim kemudian didakwa di Mahkamah pada bulan November atas dua tuduhan rasuah<sup>316</sup> dan didakwa pada bulan Disember 1994 kerana gagal mengisyiharkan semua harta milikan beliau dan keluarga beliau.<sup>317</sup>

Sebenarnya, sebab Rahim diterima sebagai anggota dalam *Team Wawasan* bukan kerana dia diambil berat oleh Anwar, tetapi kerana beliau diperlukan oleh Anwar untuk meraih sokongan di Negeri Melaka, iaitu negeri asal Ghafar Baba pada ketika dan saat itu. Selepas Rahim terbabit dalam kesalahan jenayah, beliau merupakan ‘liabiliti’ terhadap puak Anwar yang telah berjaya menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri. Oleh itu, puak Anwar pun ingin menyingkirkan daripada *Team Wawasan* dan daripada UMNO supaya jawatannya boleh digantikan dengan penyokong Anwar yang lebih kaliber dan ‘bersih’. Selain itu, penyingkiran Rahim juga merupakan penyingkiran penyokong kuat Mahathir daripada kem Anwar kerana Rahim memang merupakan orang yang disayangi dan ingin dipromosi oleh Mahathir.<sup>318</sup>

<sup>314</sup> *Utusan Malaysia*, 13 Oktober 1994, m/s 1.

<sup>315</sup> Rahim Tamby Chik kemudian dihadapkan ke mahkamah atas dua tuduhan rasuah pada 28 November 1994 manakala beliau tidak didakwa atas kesalahan hubungan sulit dengan gadis bawah umur oleh Peguam Negara Mokhtar Abdullah kerana ‘tiada bukti yang cukup’. Tetapi, Peguam Negara membongkarkan latarbelakang seks gadis tersebut yang ada hubungan sulit dengan 14 lelaki yang lain, kesemuanya lelaki ini kemudian didakwa di mahkamah.

<sup>316</sup> *Utusan Malaysia*, 29 November 1994, m/s 1.

<sup>317</sup> *Utusan Malaysia*, 3 Disember 1994, m/s 1.

<sup>318</sup> Ahli Parlimen DAP Lim Guan Eng yang memperjuangkan nasib seorang gadis berumur 15 tahun itu kemudian didakwa ke mahkamah atas tuduhan melanggar Akta Hasutan dan Akta percetakan. Lim Guan Eng kemudian dijatuhkan hukuman penjara selama 18 bulan oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Agong. Pemerhati politik berpendapat dakwaan dan pemerjaraan Lim Guan Eng ini merupakan amaran Mahathir kepada puak Anwar yang cuba menyusahkan dan menyingkirkan penyokong Mahathir dalam parti dan kerajaan.

## **Saga Peruntukan Saham Rafidah Aziz**

Selain Rahim Tamby Chik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Rafidah Aziz yang merupakan seorang lagi penyokong kuat Mahathir juga dituduh melakukan rasuah.

Rafidah dituduh memperuntukkan 1,500,000 unit saham khas untuk bumiputera daripada Syarikat Leader Universal Holdings kepada anak menantunya Fazrin Azwar dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh beliau sendiri. Fazrin menerima 1.5 juta saham syarikat tersebut dengan harga RM6 setiap unit manakala harga pasaran saham tersebut adalah RM9.95 seunit. Beberapa bulan selepas itu, harga saham tersebut disenarai dengan harga RM13 se unit. Ini bermaksud sekiranya Fazrin menjual sahamnya pada waktu ia diperuntukkan, dia akan memperolehi keuntungan RM5 juta, tetapi sekiranya dia menjual beberapa bulan kemudian, dia akan mendapat keuntungan sebanyak RM10.5 juta.<sup>319</sup> Kononnya, pendedahan tersebut adalah diketahui dan ‘disetujui’ oleh Anwar yang memegang jawatan Menteri Kewangan.

Selepas itu, isu ini dieksplotasi oleh parti pembangkang untuk mengkritik korupsi di tahap atasan UMNO di dalam dan di luar Parlimen. Pada 18 Oktober 1994, dalam suatu jawapan tulis Rafidah Aziz di Parlimen, beliau menjelaskan bahawa peruntukan saham khas tersebut adalah tanggungjawab kementeriannya mengikut Akta Koordinasi Industri 1975. Beliau juga berkata bahawa 1.5 juta saham Leader Universal Holdings Berhad dan 4,173,910 unit saham First Allied Corporation Berhad (FACB) yang diperuntukkan kepada menantunya Fazrin Azwar adalah berdasarkan

---

<sup>319</sup> *Aliran Monthly*, 1994;14(12), m/s 3-5.

cadangan daripada kedua-dua syarikat tersebut. Di samping itu, beliau juga mengumumkan nama kerabat pemimpin UMNO yang turut mendapat peruntukan saham syarikat Leader Universal Holdings dan FACB. Mereka termasuklah Marzuki Ibrahim (adik Anwar Ibrahim), Mirzan Mahathir (anak Mahathir), Adnan Shuaib (abang ipar Megat Junid); manakala mereka yang menerima saham FACB ialah Megat Fairouz Junaidi bin Megat Junid (anak Megat Junid), Ainuddin Tun Abdul Hamid (anak Hamid Omar, bekas Ketua Hakim Negara) dan Faridah Abu Hassan (pemimpin kanan Wanita UMNO).<sup>320</sup>

Jawapan yang diberi oleh Rafidah secara terus-terang tersebut sebenarnya sangat memeranjatkan. Pengumuman adik Anwar, Marzuki Ibrahim, sebagai salah seorang penerima saham khas bumiputera turut menjelaskan imej Anwar sebagai ‘Mr. Clean’ di dalam UMNO. Pendedahan senari nama penerima peruntukan istimewa yang tidak pernah berlaku ini bukan sahaja membangkitkan kemarahan tokoh politik yang terlibat, ia juga menimbulkan perasaan tidak senang ahli ‘backbenchers’ di Parlimen dan ahli UMNO yang bekerja kuat untuk parti, kerana usaha mereka tidak dibalaskan dengan apa-apa peruntukan istimewa selama ini.

Selepas itu, Timbalan Menteri Kewangan, Mustapa Mohamed telah cuba membersihkan nama Anwar di Parlimen dengan berkata bahawa sebaik sahaja Anwar menjadi Menteri Kewangan pada 15 Mac 1991, Anwar telah mengarahkan pegawai-pegawai dalam Kementerian Kewangan secara lisan dan bertulis supaya jangan

<sup>320</sup> *Aliran Monthly*, 1994:14(12), m/s 3-5, 38-39.

meluluskan permohonan saham di bawah peruntukan bumiputera untuk ahli keluarganya, dan menggugurkan kontrak ahli keluarganya secara automatik.<sup>321</sup>

Menurut *Asiaweek*, kononnya Mahathir pernah mengarahkan Anwar yang memegang jawatan sebagai pengurus jawatankuasa penyelewangan untuk menyiasat samada Rafidah memecahkan peraturan konflik kepentingan, walaupun Anwar berkata Peguam Negara mempunyai asas dakwaan yang kukuh terhadapnya, tetapi Mahathir berdiam dalam perkara tersebut.<sup>322</sup> Kes Rafidah kemudian disiasat oleh BPR dan didengar di Mahkamah Sesyen pada 7 Jun 1996.<sup>323</sup> Lepas itu, Peguam Negara, Mohtar Abdullah menyatakan siasatan BPR dalam kes ini menunjukkan perkara tersebut merupakan kesilapan teknik yang tidak menjadi kesalahan secara automatik.<sup>324</sup> Dengan itu, Rafidah pun bebas daripada didakwa. Pembebasan Rafidah daripada dakwaan ini menunjukkan bahawa Mahathir telah memberi perlindungan kepadanya mungkin demi pengiraan politiknya kelak.

## 5.5 Perselisihan di Antara Daim, Mahathir dan Anwar

Khabar angin mengenai perselisihan di antara Daim dan Anwar timbul setelah Anwar menggantikan jawatan Daim sebagai Menteri Kewangan dan menjadi Timbalan Perdana Menteri. Perselisihan di antara kedua-dua mereka selalu dilaporkan dalam

<sup>321</sup> Enam syarikat yang terbabit adalah Telekom Bhd, Tenaga Nasional Bhd, MBF Capital Bhd, MBF Holding Bhd, Hong Leong Credit Berhad dan Hong Leong Bank Berhad. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 2 Disember 1994, m/s 1-2.

<sup>322</sup> *Asiaweek*, 10 Februari 1995, m/s 26.

<sup>323</sup> Dalam perbicaraan tersebut, Penolong Pengarah MITI, Rejab Lebai Man yang dituduh melakukan kesalahan penipuan terhadap Jawatankuasa Pembahagian Saham Khas Bumiputera di MITI berkata di Mahkamah, bahawa Fazrin Azwar Mohd. Nor, menantu lelaki Rafidah Aziz tidak layak diperuntukkan saham khas bumiputera yang begitu banyak daripada Leader Universal Holdings Berhad, tetapi Rafidah yang bertindak sebagai pengurus Jawatankuasa Pembahagian Saham Khas Bumiputera di MITI yang menyuruhnya menambah peruntukan itu kepada dua juta. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 8 Jun 1996, m/s 1-2.

majalah antarabangsa. Menurut *Asiaweek*, walaupun Daim telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan, tetapi beliau masih dilantik oleh Mahathir sebagai penasihat ekonomi. Sesetengah tokoh korporat masih menganggap Daim sebagai Menteri Kewangan yang sebenar, kerana banyak urusniaga masih perlu diluluskan oleh Daim dan Mahathir. Mereka juga tidak mempunyai keyakinan penuh terhadap Anwar sebagai Menteri Kewangan.

Selain itu, Daim sentiasa melampaui peranannya sebagai penasihat ekonomi kerajaan dan cuba mengekalkan pengaruhnya dalam UMNO. Beliau pernah menegah penyokong Anwar untuk mendapat kontrak projek penswastaan kerajaan, misalnya dalam kes menjual saham sebanyak 32 peratus dalam Malaysia Airlines Bhd (MAS) kepunyaan kerajaan kepada sahabat lamanya, Tajudin Ramli; pada masa yang sama, beliau juga memberi suatu kontrak perkhidmatan kendaraan kerajaan kepada Spanco Sendiran Berhad yang dipunyai oleh Robert Tan Hua Choon pada akhir tahun 1993. Dalam Januari 1994, kerajaan memberi seluruh projek Empangan Bakun yang memakan perbelanjaan sebanyak RM15 bilion di Sarawak kepada Ting Pek Khiing tanpa tender, manakala penyokong Anwar tidak mendapat apa-apa manfaat daripada projek ini. Selain itu, UEM yang dipegang oleh protégé Daim, Halim Saad juga mendapat kontrak penswastaan untuk membina tambak kedua yang menyambung Singapura dan Malaysia melalui Renong Berhad. Dalam tempoh ini, terdapat spekulasi kuat yang menyatakan bahawa kebanyakan saham di Bank Bumiputera, bank yang kedua besar di Malaysia, akan dijual kepada Landmarks Berhad yang dipunyai oleh rakan rapat Daim, Samsudin Abu Hassan yang tidak mempunyai

---

<sup>324</sup> Utusan Malaysia, 23 Julai 1996, m/s 1.

pengalaman perbankan.<sup>325</sup> Adalah jelas bahawa cara pengagihan naungan yang dilakukan oleh Daim adalah kepada usahawan lama yang sezaman dengannya dan bukan kepada golongan usahawan dan peniaga yang muda. Cara pengagihan kontrak tersebut mempersengitkan perselisihan di antara penyokong Anwar dan Daim.<sup>326</sup>

### Tanda-Tanda Perselisihan Di Antara Mahathir dan Anwar

Selepas Anwar dan penyokongnya mengingkari seruan Mahathir dan berjaya memaksa Ghafar berundur daripada pertandingan, hubungan di antara kedua-dua mereka mula berubah pada tahun 1994. Isu yang memperlihatkan perselisihan mereka termasuk: Anwar menghendaki keputusan Lembaga Penapisan Filem mengkaji semula pengharaman yang disokong oleh Mahathir terhadap filem *Schindler's List* yang memenangi banyak hadiah Oscar pada Mac 1994.<sup>327</sup> Kata-kata Anwar yang ingin menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji semula ISA pada Mei tahun itu ‘dibetulkan’ oleh Mahathir dengan berkata bahawa kerajaan tidak akan memansuhkan ISA tetapi hanya akan meminda beberapa peruntukan di dalamnya agar bersesuaian kehendak dan keadaan semasa.<sup>328</sup>

<sup>325</sup> Edmund Terence Gomez, *The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1996, m/s 12; *Malaysian Business*, 16 Mac 1994.

<sup>326</sup> *Asiaweek*, 11 May 1994, m/s 30.

<sup>327</sup> Filem ini tidak ditayangkan di Malaysia kemudian kerana pengarah filem, Steven Spielberg tidak setuju dengan pemotongan oleh Penapisan Filem Malaysia dalam filem ini. Rujuk: *Asiaweek*, 11 Mei 1994, m/s 28-31; *Berita Harian*, 9 April 1994, m/s 4.

<sup>328</sup> Menurut bekas setiausaha akhbar Anwar Ibrahim, Khalid Jaafar, Mahathir menyuruh Anwar berbincang perkara ini dengan Ketua Polis Negara, Rahim Nor, tetapi Rahim nor menolak cadangan

## **Hantu Brutus Membayangi Perhimpunan Agung UMNO 1994**

Sikap Anwar yang tidak mengikut kata-kata Mahathir secara terbuka dan pendirian penyokongnya terhadap salah laku dua penyokong kuat Mahathir, Rahim Tamby Chik dan Rafidah Aziz, menyebabkan perbalahan di antara mereka selalu dieksplotasikan oleh Semangat 46, tetapi ia dinafikan oleh Mahathir secara terbuka.<sup>329</sup>

Perhimpunan Agung UMNO pada 18-20 November 1994 menyaksikan ketidak-sehaluan terbuka di antara kedua-dua mereka. Ia sekali lagi ditafsirkan sebagai perbezaan di antara Puak Golongan Tua dan Puak Golongan Muda dalam parti. Dalam ucapan Anwar di pembukaan Persidangan Pemuda dan Wanita UMNO, Anwar menyifatkan ‘generasi muda sebagai pewaris dan penggerak zaman’ dan ‘perencanaan bagi membina generasi perlu menjadi agenda utama yang berterusan dan meluas antara warga muda’.<sup>330</sup> Tetapi Mahathir yang memberi ucapan pada keesokan harinya bercakap tentang lakonan Julius Caesar yang ditulis oleh Shakespeare. Dalam cerita tersebut, anak angkat Caesar, Brutus, akhirnya membunuh bapa angkatnya demi menyelamatkan Negaranya, Rom. Mahathir mengingatkan para perwakilan supaya jangan menjadikan Brutus sebagai contoh.

Perumpamaan yang digunakan oleh Mahathir ini mencetuskan minat daripada pelbagai pihak. Mereka mencari-cari siapakah Brutus yang dimaksudkan oleh Mahathir di dalam UMNO dan samada Mahathir merujuk kepada Anwar. Nazri merupakan orang pertama yang berkata bahawa tiada Brutus dalam Pemuda

---

memansuhkan ISA. Rujuk: *Utusan Malaysia*, 25 Mei 1994, m/s 1 & *Utusan Malaysia*, 26 Mei 1994, m/s 2.

<sup>329</sup> *Utusan Malaysia*, 1 November 1994, m/s 1.

<sup>330</sup> *Utusan Malaysia*, 18 November 1994, m/s 6.

UMNO.<sup>331</sup> Pengikut Anwar pula merasa bimbang samada Mahathir merujuk kepada Anwar. Dua hari selepas itu, Mahathir menafikan beliau mendakwa mana-mana pihak, tetapi beliau menyeru ahli-ahli UMNO membuang sifat Brutus, iaitu ‘nafsu yang ada pada kita sebagai manusia.’ Sesetengah pihak dalam parti menganalisa ucapan Mahathir sebagai ‘cuba menolong Anwar dengan memberi amaran kepada penyokongnya supaya jangan mendesak Anwar untuk menjadi Brutus.’<sup>332</sup>

Kedudukan Anwar menjadikan beliau sebagai harapan dan model kepada ramai orang muda dalam UMNO. Mereka yang telah menyokong Anwar dalam pertandingan jawatan Timbalan Presiden dalam pemilihan parti yang lepas menjadi kurang sabar kerana tidak menerima ganjaran daripada sokongan mereka terhadap Anwar. Oleh itu mereka pun melakukan perkara yang luar daripada kawalannya dan mengenakan desakan terhadap Anwar.

Selepas Perhimpunan Agung UMNO, pada awal bulan Disember 1994, terdapat laporan yang disiarkan di akhbar negara jiran yang menyatakan Mahathir ingin melantik Timbalan Perdana Menteri kedua. Khabar angin tersebut kemudian menjadi salah satu faktor yang menyumbangkan kelembapan dan kejatuhan harga saham di BSKL, tetapi ia dinafikan oleh Mahathir dan Anwar selepas itu.<sup>333</sup>

#### **Penyokong Anwar Diketepikan oleh Mahathir**

Anwar merupakan tokoh yang mahir dari segi organisasi dan menubuhkan rangkaian. Beliau meletakkan orang yang dipercayainya dalam parti, media dan kerajaan untuk

<sup>331</sup> *Utusan Malaysia*, 19 November 1994, m/s 5-6.

<sup>332</sup> *Asiaweek*, 21-28 Disember 1994, m/s 25.

membantunya apabila diperlukan. *Team Wawasan* kelihatan terbubar selepas pemilihan UMNO 1993. Anwar kelihatan kurang sabar dengan pemimpin yang korup dan tidak berakhlik dalam *Team Wawasan* dan ingin gantikan mereka dengan penyokong yang dipercayainya. Oleh itu, penyokongnya memainkan peranan dari segi membongkarkan salah-laku tokoh-tokoh dalam *Team Wawasan*, khususnya salah-laku seks Rahim Tamby Chik dan Najib Tun Razak.<sup>334</sup> Pada masa yang sama, dua Naib Presiden yang mempunyai sokongan akar-umbi yang kuat, iaitu Najib dan Muhammad Taib juga telah beransur-ansur berbaris dengan Mahathir dan menjauhkan diri daripada Anwar.<sup>335</sup>

Menjelang pilihan raya umum 1995, Mahathir kelihatan ingin melemahkan kuasa Anwar dengan mengenepikan sesetengah calon yang dicadangkan oleh Anwar, termasuk ahli akademik, wartawan dan pemimpin ABIM. Walau bagaimanapun, sesetengah penyokong Anwar masih diberi kerusi yang baik pada pilihan raya umum, khususnya penyokongnya dalam Pemuda UMNO.<sup>336</sup> Oleh kerana Anwar dianggap sebagai pewaris Mahathir selepas pilihan raya umum 1995, sesetengah penyokong Anwar mahu meninggalkan kerusi DUN mereka dan bertanding di kawasan Parlimen, dengan harapan mereka mungkin akan dilantik menjadi menteri kabinet selepas Anwar menggantikan Mahathir, mereka ini termasuk: Menteri Besar Johor, Muhyiddin Yassin; Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Ibrahim Saad dan lain-lain. Bagi Mahathir pula, beliau masih menghantar orang yang tidak disukai oleh Anwar untuk bertanding dalam pilihan raya umum, seperti menghantar Sanusi Junid

<sup>333</sup> *Utusan Malaysia*, 7 Disember 1994, m/s 1.

<sup>334</sup> Najib didakwa terlibat dalam kesalahan khalwat dengan seorang penyanyi di sebuah hotel di Port Dickson. Laporan tersebut disiarkan dalam akhbar Inggeris dan Melayu yang dikawal oleh penyokong Anwar, tetapi Najib menafikannya secara terbuka.

<sup>335</sup> *Asiaweek*, 18 Mei 1995, m/s 20 dan *Asiaweek*, 19 Mei 1995, m/s 33.

<sup>336</sup> *Asiaweek*, 5 Mei 1995, m/s 21.

yang dijangka akan menjadi Menteri Besar Kedah untuk bertanding di kawasan DUN di Kedah, Ghafar Baba yang kelihatan telah bersara daripada politik dan Daim Zainuddin juga dijadikan calon untuk kerusi Parlimen. Tindakan Mahathir ini menunjukkan bahawa beliau ingin meletakkan orang yang boleh dipercayainya dalam kerajaan untuk membantu beliau apabila perlu.

## 5.6 Keputusan Pilihan Raya Umum 1995

Menjelang pilihan raya umum 1995, keretakan di kalangan parti pembangkang dan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia telah menutupi beberapa isu yang mempunyai kesan negatif bagi BN.<sup>337</sup> Objektif BN dalam pilihan raya umum 1995 adalah untuk merebut balik kerajaan Negeri Kelantan daripada tangan PAS di samping mempertahankan kerajaan BN di Pulau Pinang daripada cabaran DAP. BN telah membuat persediaan yang cukup malah mengambil tindakan terhadap beberapa tokoh parti pembangkang yang berpengaruh sebelum pilihan raya umum.<sup>338</sup>

---

<sup>337</sup> Isu seperti kerugian besar Bank Negara dalam spekulasi matawang asing, kes rasuah dan hubungan sulit di antara Rahim Tamby Chik dan gadis sekolah, peruntukan saham khas bumiputera kepada anak menantu dan ahli keluarga pemimpin UMNO, pembubaran kumpulan Islam Al Arqam yang dituduh sesat, penguatakuasaan Pindaan Akta Pengambilan Tanah yang diluluskan di Parlimen yang mempengaruhi ramai tuanpunya tanah di seluruh negara dan sebagainya.

<sup>338</sup> Beberapa taktik kotor telah digunakan oleh kerajaan BN untuk menghancurkan kredibiliti parti pembangkang sebelum pilihan raya umum. Ini termasuk memperhebohkan kes khalwat Ahli Parlimen PAS, Mohamad Sabu, mendakwa Ahli Parlimen DAP Lim Guan Eng di bawah Akta Percetakan dan Akta Hasutan kerana mengeksplotasi isu hubungan sulit Rahim Tamby Chik dengan gadis sekolah. Selain daripada itu, Mahkamah Persekutuan mengenakan denda RM7,000 terhadap Ahli Parlimen DAP, Wee Choo Keong atas tuduhan menghina mahkamah sehari sebelum hari pencalonan. Wee dihukum penjara selama dua tahun oleh Mahkamah Tinggi pada Disember 1993 kerana mengabaikan perintah Mahkamah yang dikeluarkan oleh MBF Finance. Mengikut undang-undang di Malaysia, seorang wakil rakyat yang dikenakan denda RM2,000 dalam kes jenayah oleh Mahkamah Persekutuan akan kehilangan kelayakan status wakil rakyat dan tidak boleh bertanding dalam pilihan raya umum. Walau bagaimanapun, Wee dibenarkan bertanding di kawasan Bukit Bintang oleh pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya pada akhirnya dan beliau menang dalam pilihan raya tersebut. Selepas Pilihan raya umum, Mahkamah Agung memutuskan kerusi Wee diambilalih oleh calon MCA yang ditewaskan oleh beliau, Lee Chong Meng, dalam rayuan yang difail oleh Lee. DAP hilang kerusi Parlimen Bukit Bintang selepas itu (Rujuk *The Star*, 15 November 1995, m/s 11).

BN mencapai keputusan yang cemerlang dalam pilihan raya umum 1995, ia mendapat 162 daripada 192 kerusi di Parlimen. Di antaranya, UMNO memenangi 89 kerusi, iaitu 84% daripada jumlah kerusi Parlimen, ini merupakan satu rekod dalam sejarah UMNO. Dari segi kerusi pembangkang pula, PAS mengekalkan 7 kerusinya manakala kerusi Semangat 46 dikurangkan dari 8 kepada 6. DAP merupakan parti pembangkang yang mengalami kekalahan yang paling teruk, kerusi Parlimennya telah berjaya dikurangkan dari 20 hanya kepada 9.

Dari segi kerusi DUN pula, BN juga mencapai rekod yang cemerlang. UMNO mendapat 231 kerusi. Kerusi Parti Melayu Semangat 46 dikurangkan daripada 19 kepada 12, kerusi DUN DAP dikurangkan daripada 46 kepada 11 manakala kerusi PAS kekal pada 33. APU masih mengawal Kerajaan Negeri Kelantan manakala BN berjaya menewaskan cabaran DAP untuk menumbangkan kerajaan negeri di Pulau Pinang.

Keputusan ini menunjukkan masyarakat Cina yang pernah kuat menyokong parti pembangkang pada tahun 1986 dan 1990 telah mengalah kepada BN kerana faktor pertumbuhan ekonomi yang pesat dan dasar BN yang kelihatan lebih liberal terhadap mereka. Banyak isu perkauman yang kontroversial yang telah lama dibantah oleh masyarakat Cina telahpun dibereskan oleh kerajaan BN, misalnya kaum Cina dibenarkan menziarahi dan berdagang di Negeri China, pertunjukan Tarian Singa dibenarkan, isu tanah perkuburan Bukit Cina di Melaka yang kontroversial juga telah diselesaikan. Sebelum pilihan raya 1995, Anwar telah mengubah imej pelampau perkaumannya dengan cuba merapatkan hubungannya dengan masyarakat Cina. Beliau bertutur dalam Bahasa Mandarin di perhimpunan masyarakat Cina,

menggalakkan dialog akademik mengenai Konfusionisme dan Islam. Perubahan sikapnya pun menjadikan BN kelihatan lebih senang diterima oleh masyarakat Cina. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi yang pesat juga telah menonjolkan imej Mahathir sebagai pemimpin yang unggul di kalangan masyarakat bukan Melayu. Dengan itu, masyarakat Cina pun mengenepikan kemarahan mereka terhadap undang-undang dan dasar ekonomi yang tidak adil, dan mengundi BN sebagai tanda penghargaan dan terima kasih terhadap kerajaan.

Bagi parti pembangkang pula, berbanding dengan pilihan raya umum 1990, pembubaran Gagasan Rakyat yang disebabkan oleh ketidak-sehaluan dasar di antara DAP dan Semangat 46 menyebabkan parti pembangkang gagal menunjukkan satu imej yang bersatupadu dan rancangan pembangunan negara alternatif yang menyakinkan. Perubahan atmosfera politik dan ekonomi di Malaysia menyebabkan masyarakat Cina di Pulau Pinang amat bimbang terhadap matlamat DAP untuk menumbangkan kerajaan negeri BN di Pulau Pinang melalui projek ‘Tanjong 3’. Mereka amat dipengaruhi oleh taktik ugutan BN bahawa akan berlakunya rusuhan 13 Mei sekiranya DAP menang di Pulau Pinang dan juga pelbagai fitnah dan pengotoran imej terhadap Setiausaha Agung DAP yang diulang-ulangi oleh media kawalan BN. Akhirnya, DAP hanya menang satu kerusi DUN di Pulau Pinang di samping kalah di kebanyakan kerusinya di seluruh Malaysia.

Di kalangan masyarakat Melayu pula, walaupun terdapat masalah di antara hubungan PAS dan Semangat 46, kedua-dua parti pembangkang Melayu masih mendapat sokongan daripada pengundi Melayu di kawasan luar bandar, khususnya di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di antara kedua-dua parti ini, tekanan PAS

terhadap Islam menghasilkan impak yang lebih besar terhadap pengundi Melayu berbanding dengan tekanan S46 terhadap nasionalisme Melayu, oleh itu, sokongan pengundi Melayu terhadap PAS tetap kekal seperti Pilihan raya umum 1990. Menurut penganalisaan Terence Gomez, populariti UMNO yang semakin berkurangan di kawasan sokongan tradisinya, iaitu kawasan Melayu di luar bandar, bermaksud parti itu haruslah lebih bergantung kepada komponen parti bukan Melayu dalam BN. Ini adalah penting memandangkan perselisihan dalaman UMNO telah semakin meningkat.<sup>339</sup>

Kemenangan UMNO/BN menunjukkan bekas Team A/UMNO Baru yang dipimpin oleh Mahathir sekali lagi berjaya mengalahkan Team B/S46 yang diketuai oleh Razaleigh dalam pentas politik kebangsaan. Ini menunjukkan cabaran yang dilakukan oleh Team B terhadap Mahathir di luar UMNO telahpun gagal secara langsung.

Secara kesimpulan, perpuakan baru tetap muncul dalam UMNO yang dibina oleh Mahathir selepas pilihan raya umum 1990. Tokoh yang bangkit dalam perpuakan baru ini adalah orang yang dibimbing masuk ke dalam UMNO oleh Mahathir dan yang disayangi oleh beliau, iaitu Anwar Ibrahim. Pertandingan kuasa terhadap jawatan Timbalan Presiden UMNO di antara puak Anwar dan puak Ghafar menunjukkan perpuakan dan perebutan kuasa dalam era 1990an ini melibatkan penggunaan politik wang dengan skel yang lebih besar berbanding dengan era sebelumnya. Walaupun pucuk pimpinan UMNO meminda Perlembagaan parti untuk menegah politik wang dalam parti, tetapi perkembangan politik seterusnya menunjukkan penggunaan politik wang dan korupsi selalu melibatkan pemimpin UMNO yang penting dan mereka

<sup>339</sup> Edmund Terence Gomez, *The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1996, m/s 54.

biasanya dibebaskan daripada hukuman Mahkamah ataupun tindakan disiplin parti. Kes Rahim Tamby Chik dan Rafidah Aziz adalah contoh yang paling baik. Ini membuktikan bahawa politik wang telah menjadi budaya yang berakar-umbi dalam parti itu.

Walau bagaimanapun, penyalahgunaan kuasa dan politik wang dalam UMNO tidak banyak mencetuskan masalah di dalam parti dan mempengaruhi prestasi UMNO dalam pilihan raya umum 1995, salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan UMNO dalam pilihan raya umum adalah kerana pertumbuhan ekonomi negara yang pesat pada masa itu, sehingga kesemua puak di dalam UMNO mendapat manfaat dan naungan kerajaan, dan rakyat-jelata juga sanggup bertolerasi dan menerima perbuatan UMNO yang korup. Walau bagaimanapun, apabila ekonomi negara merosot beberapa tahun kemudian, kita menyaksikan perebutan kuasa di antara pelbagai puak dalam UMNO menjadi lebih sengit, kerana sumber ekonomi yang boleh diberi dan dikongsi oleh pelbagai pihak dalam parti menjadi kurang dan toleransi rakyat terhadap penyalahgunaan kuasa pemimpin UMNO tersebut juga jauh menurun.